

Jilid I
Bil. 28



Hari Khamis
13hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3893]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3926]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual—

Maksud B.13 [Ruangan 3927]

Maksud B.14 hingga B.16 [Ruangan 3947]

Maksud B.17 [Ruangan 4003]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.13 [Ruangan 3927]

Maksud P.14 dan P.16 [Ruangan 3947]

Maksud P.17 [Ruangan 4003]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang'Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., PIS (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat, Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai),
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, Tuan Osu bin Haji Sukam (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- " TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ ~~TUAN DOUGLAS UGGAHEMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).~~
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ " TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ " DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „, TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „, TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K.
(Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „, TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „, TUAN HAJI MOHAHED YAACOB (Rantau Panjang).
- „, DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „, TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „, TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „, DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „, TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ "TUANTAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahaya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 13hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
 MULUT BAGI
 PERTANYAAN-
 PERTANYAAN**

**PLAZA TOL
 LEBUHRAYA—KUTIPAN**

1. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah bilangan plaza tol lebuhraya yang terdapat di seluruh negara sekarang dan berapa buah plaza tol lebuhraya baru yang akan dibina menjelang tahun 1988;
- (b) berapakah jumlah kutipan tol lebuhraya di seluruh negara, setiap tahun dari 1981 hingga sekarang; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang mengurangkan kadar tol lebuhraya untuk semua jenis kenderaan, memandangkan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh pengguna-pengguna kenderaan tersebut jika tidak; mengapa.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang bilangan plaza tol Lembaga Lebuhraya Malaysia yang

sedang beroperasi di seluruh negara ialah 10 buah. Menjelang tahun 1988, Lembaga Lebuhraya Malaysia akan membina 19 buah lagi plaza tol yang baru.

Untuk menjawab soalan (b) kepada Ahli Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia mula memungut tol dari bulan Jun, 1982. Hasil pungutan tol setiap tahun dari tahun 1982 hingga September, 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1982	\$ 6,279,672.65
1983	\$ 15,440,809.83
1984	\$ 21,445,655.72
1985	\$ 36,671,582.89
1986 hingga September	\$ 38,947,896.92
Jumlah ..	\$118,785,618.01

Jawapan kepada soalan (c), Kementerian saya belum ada cadangan untuk mengurangkan bayaran tol di semua lebuhraya-lebuhraya tol yang terdapat sekarang. Walau bagaimanapun, bagi Jambatan Pulau Pinang sahaja Kementerian saya memang ada rancangan untuk mengurangkan bayaran tol sebanyak lebih kurang 10%. Cadangan itu sedang dikaji dan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat persetujuan sebelum ia dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol yang ada sekarang adalah paling rendah iaitu 2.5 sen bagi satu kilometer dan ini bertujuan supaya tidak membebankan para pengguna lebuhraya. Kadar tol ini juga jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Jepun 36 sen satu kilometer, Italy 10 sen satu kilometer, Perancis 20 sen satu kilometer dan Korea Selatan 5.44 sen satu kilometer dan negara ini sahajalah yang paling rendah yang kita kutip. Saya harap rakyat jelata di dalam tanahair ini mengambil perhatian apakah tujuan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mengkaji kadar tol di semua lebuhraya yang ada sekarang dan Kerajaan belum mengambil keputusan untuk menaikkan kadar tol yang sedia ada. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kepada rakyat jelata bahawa Kerajaan akan menaikkan kadar tol pada Lebuhraya Changkat Jering/Ipoh dan Senawang/Air Keroh apabila dibuka kepada para pengguna tidak beberapa lama lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya banyak tol-tol plaza akan dibuka pada masa yang akan datang. Adakah Malaysia sebenarnya menjadikan tol plaza yang terbanyak sekali di dalam dunia. Kalau benar, apakah kedudukan kita first atau the last, dengan izin, dan nampaknya tol sekarang yang kena bayar oleh kenderaan sahaja, tetapi adakah sebahagian tol bukan kenderaan kena bayar, penumpang pun kena bayar. Kalau sekarang penumpang kena bayar dan juga sekarang dicadangkan motosikal pun kena bayar, adakah cadangan yang akhirnya orang berjalan kaki pun kena bayar ataupun basikal pun kena bayar. Minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang-di-Pertua, bilangan tol yang sedia ada di dalam tanahair kita dan yang akan dibina bukanlah beberapa banyak seperti apa yang nampak di negeri Jepun. Negeri Jepun bila kita duduk dalam kereta, tiap-tiap kali tangan kita, sebelah tangan di luar sahaja (*Ketawa*), sebab bayar di satu-satu kilometer, tetapi di sini kita bukan ada tujuan seperti itu.

Walaupun bagaimanapun, saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kita ada juga satu cadangan untuk mengutip tol daripada motosikal mulai daripada 1hb Januari, 1987. Kadar tol itu ialah 30 sen kepada motosikal-motosikal yang mempunyai 70 c.c. dan ke bawah tidak payah bayar. Kita tahu rakyat jelata atau orang miskin menggunakan motosikal yang paling rendah c.c.nya ialah 70 dan ke bawah, 70 c.c. dan ke atas itu mereka mesti kena bayar. Tetapi kita tidak ada tujuan untuk mengenakan tol kepada sesiapa yang menggunakan jalan itu untuk jalan kaki. Itu tidak ada tujuan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan tujuan kutipan tol ini ialah untuk membiayai kos pembinaan lebuhraya-lebuhraya yang terlibat dengan kutipan tol ini. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, bagi 10 buah tol yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, berapa panjangkah lebuhraya yang terlibat dan berapakah kos pembinaan lebuhraya-lebuhraya tersebut dan dari segi kutipan pula berapa lamakah dapat Kerajaan mengutip balik kos pembinaan lebuhraya-lebuhraya yang terlibat dengan tol-tol yang tersebut tadi?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan yang sedang

berjalan sekarang tidak mencukupi untuk membayar balik faedah kepada pinjaman yang kita ada daripada agensi-agensi kewangan. Kutipan-kutipan yang saya jelaskan tadi ialah daripada Bukit Kayu Hitam, satu Plaza Tol yang mana kita kutip; yang kedua, Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang; yang ketiga, Plaza Tol di Slim River; yang keempat, Plaza Tol di Karak, Plaza Tol di Bentong, Plaza Tol di Sungai Besi, Plaza Tol di Seremban, Plaza Tol di Senai dan juga Plaza Tol di pintu masuk ke Johor Bahru dan Plaza Tol Alor Setar. Alor Setar baru sahaja 2 hari yang lalu yang mana saya isytiharkan kutipan tol di Alor Setar itu. Itulah kutipan yang kita buat pada masa sekarang. Saya harap pada masa akan datang mengikut dengan taraf jalan yang kita sedang membina, kita mesti mengadakan sekurang-kurangnya \$50,000 untuk menyelenggara jalan itu sahaja di tiap-tiap kilometer. Dengan \$50,000 dan dengan kutipan untuk 904 kilometer, saya harap kita mesti membelanjakan lebih daripada \$45 juta atau \$50 juta untuk penyelenggaraan jalan sahaja. Inilah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh tahu macam manakah kita menghadapi masalah.

Walaupun bagaimanapun, jikalau mengikut keputusan Kerajaan untuk menaikkan kutipan tol ini, saya harap kita boleh membayar balik lebih kurang 25% daripada pinjaman itu dalam tempoh 10 atau 15 tahun. Tetapi Kerajaan tidak ada cadangan langsung untuk memberhentikan kutipan ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa hasil kutipan tol ini adalah cukup banyak, contohnya, sehingga September tahun ini kita telah mengutip lebih kurang \$38 juta yang saya rasa jumlahnya

melebihi jumlah daripada pendapatan sebuah negeri di utara tanahair. Jadi saya rasa tol ini, tanpa apa-apa tekanan, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menambahkan lagi tol-tol ini iaitu dengan memasukkan jalan-jalan Persekutuan di Negeri, yang pertama, sebab hasilnya memuaskan dan mungkin hasil itu boleh diberi sama banyak di antara Negeri dan Persekutuan?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bercadang untuk meminda Perlembagaan ataupun menyemak semula untuk membolehkan jalan-jalan Negeri juga dibina tol sebagai hasil pendapatan Negeri?

Yang ketiganya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menswastakan bagi jalan Persekutuan dan Negeri tadi, dan yang keempat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah 3 sahaja!

Tuan Shahidan bin Kassim: Cukuplah. (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mempunyai satu Akta sahaja iaitu Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia. Melalui Akta ini kita boleh juga mengutip tol di jalan-jalan yang dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia sahaja, bukan memasuki jalan-jalan Persekutuan. Kita tidak ada cadangan untuk mengutip tol di jalan-jalan Persekutuan, yang pertama.

Yang kedua, kita tidak boleh mengutip apa-apa tol atau tidak boleh mencadangkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan tol di jalan-jalan yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri, tetapi apa yang dikutip ialah atas jalan-jalan yang

dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia seperti lebuhraya daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hanya lagi satu boleh tanya. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membayangkan satu keadaan di mana satu masa kelak kutipan tol ini dapat ditamatkan memandangkan bahawa ia merupakan satu beban kepada rakyat dan sama ada, misalnya, Kerajaan bercadang untuk menggunakan pembayaran cukai jalan dan juga berbagai-bagai cukai yang dibayar oleh rakyat supaya duit ini dapat disalurkan untuk kegunaan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membangun jalan-jalan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masa dahulu kita ada juga menimbangkan bolehkah kita membuat kutipan ini melalui "road tax" atau "petrol bill", ada juga satu cadangan. Tetapi Kementerian saya percaya jikalau kita mengutip tol ini melalui bayaran petrol, kita percaya rakyat jelata yang menggunakan lebih motosikal akan dikenakan tol. Sebab itulah kita hadkan kepada kereta-kereta pada masa dahulu. Saya tidak ada r apa-apa cadangan untuk memberhentikan tol ini. Jikalau kita kutip tol ini sampai satu masa yang mana Kerajaan boleh menetapkan hendak kutip atau tidak, kita akan menggunakan wang ini untuk menyelenggara jalan-jalan baru. Itu sahajalah tujuan. Saya harap pada masa sekarang rakyat jelata di dalam tanahair kita tidak ada apa-apa masalah untuk membayar. Pada permulaan sahaja mereka kata ini banyak dan lain-lain tetapi pada masa

sekarang ini sudah macam harga kopi, dahulu 15 sen sudah naik jadi 20 sen dia banyak bising, sekarang pun sudah 30 sen dia tidak bising, dia diam-diam minum sahaja (*Ketawa*). Ini sudah biasa dia bayar. Saya harap rakyat jelata boleh biasa dia bayar, Menteri pun boleh kutip sahaja untuk membina jalan baru, beri lebih kemudahan kepada rakyat jelata yang sedia ada dalam tanahair kita.

RAWATAN SEGERA DI BAHAGIAN PESAKIT LUAR

2. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian telah melaksanakan peraturan mendapatkan rawatan segera di Bahagian Pesakit Luar oleh orang ramai tanpa memenuhi syarat tertentu kerana ada pesakit yang menjadi tenat kerana menunggu terlalu lama, kerana tidak mematuhi syarat yang dikehendaki.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan biasa, kes-kes kecemasan diberi rawatan serta-merta di bilik kecemasan dan pendaftaran akan dibuat selepas rawatan diberi. Untuk kes-kes biasa yang dirawat di Klinik Pesakit Luar, biasanya pendaftaran dibuat terlebih dahulu sebelum diberi rawatan.

Sekiranya pesakit-pesakit yang datang ke Klinik Pesakit Luar memerlukan rawatan kecemasan, mereka akan diberi keutamaan dan rawatan diberi di Jabatan Pesakit Luar. Bagi kes-kes yang sedemikian, jika perlu ianya akan dihantar ke Jabatan Kecemasan dan Kemalangan untuk rawatan selanjutnya atau dimasukkan ke hospital.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri

memberitahu Dewan ini sama ada terdapat pesakit-pesakit yang meninggal akibat tidak mendapat perkhidmatan segera daripada Bahagian Pesakit Luar dan selain daripada itu, dalam konteks ini, adakah benar bahawa Bahagian Pesakit Luar ini tidak mencukupi kakitangan untuk merawat jumlah pesakit yang ramai?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan itu saya tidak tahu. Bahagian yang kedua, kalau tidak cukup, kita akan tambah.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, siapakah yang akan membuat keputusan mana-mana kes yang kecemasan atau tidak, sebab mengikut pengalaman saya sebagai seorang yang berkhidmat di perkhidmatan Kementerian Kesihatan dan mengikut amalan sekarang, Kerani-kerani dan Penyelia-penyelia yang terdapat di luar yang membuat keputusan atas kes kecemasan atau tidak. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah apa-apa langkah yang akan mempertingkatkan perkhidmatan kecemasan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dengan cara biasa, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah benar. Untuk menentukan satu-satu kes itu adakah kecemasan atau tenat, tentulah selain daripada Pembantu Hospital atau Jururawat di luar, juga saya fikir pesakit itu sendiri, jikalau ada pengikut dan sebagainya mestilah diberitahu dan kalau kes itu kes yang tenat kita mestilah memberi keutamaan kepada pesakit itu.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan bayaran kepada pesakit-pesakit luar yang memerlukan rawatan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang cuma charge \$1 untuk seorang pesakit luar. Kalau \$1 itu masih tidak mampu, barangkali kita boleh timbang berikan pengecualian.

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)— PENCAPAIAN

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan berpuashati dengan pencapaian Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan dedikasi pegawai dan kakitangannya terhadap tugas mereka sebagai salah satu jentera pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Apakah langkah yang telah diambil untuk menjamin bahawa petugas-petugas Jabatan itu tidak mengabaikan kedudukan mereka bagi memastikan kelicinan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Setiausaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, operasi KEMAS agak berbeza dengan lain-lain jabatan Kerajaan. Ia berfungsi mengikut agenda yang ditentukan dari masa ke semasa. Dalam tahun 1961, apabila ianya ditubuhkan fungsinya ialah membasmikan buta huruf. Masalah buta huruf telah dapat diatasi sepuluh tahun kemudian dan dengan itu selesailah agenda pertama.

Agenda kedua ialah membentuk sikap dan daya. Sedar rakyat luar bandar supaya mereka seiring sejalan dengan Kerajaan dalam usaha pembangunan baik fizikal, lebih-lebih lagi mental. Ini bukanlah satu usaha yang mudah. Apa lagi kalau diambil kira ketinggalan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar dalam semua bidang sebelum merdeka.

Alhamdulillah, selepas lima belas tahun berusaha, tanda-tanda sudah menunjukkan bahawa masyarakat luar bandar sudah berubah. Mereka lebih responsive, dengan izin, terhadap program-program Kerajaan, mula berminat dalam bidang pelajaran, kesihatan dan mula berlumba-lumba untuk merebut peluang ekonomi yang sebelum ini menjadi monopoli masyarakat bandar. Semuanya ini telah dapat dihasilkan melalui usaha-usaha yang berterusan oleh KEMAS dan juga lain-lain agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan usaha memajukan kawasan luar bandar.

Sekarang tibalah masanya untuk KEMAS bergerak pula ke agenda baru iaitu bagi meningkatkan daya ekonomi luar bandar ke satu tahap yang lebih tinggi. Ini melibatkan program-program memonetisekan, dengan izin, masyarakat luar bandar, iaitu satu konsep yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga meningkatkan daya pengeluaran mereka ke satu tahap yang lebih bermakna.

Untuk mencapai matlamat ini, program-program KEMAS juga terpaksa dinilai semula. Mana-mana yang kurang perlu akan digantikan dengan program-program yang berorientasikan pencapaian ekonomi. Latihan-latihan yang sedia ada seperti jahitan, masakan, kraftangan akan disesuaikan dengan matlamat baru ini. Lebih banyak bengkel kerja yang baru akan ditubuhkan untuk melatih belia-belia dan beliawanis-beliawanis dalam bidang pengeluaran dengan menggunakan teknik-teknik pengeluaran yang lebih maju. Bidang perusahaan kampung yang sebelum ini hanya meliputi pengeluaran barang-barang, kraftangan telah pun diperluaskan meliputi lain-lain barang kegunaan dan juga barang-barang makanan dan bahan-bahan yang berasaskan pertanian.

Kegiatan Bahagian Industri Kampung dan juga Bahagian Industri Kecil yang baru dipindahkan ke Kementerian ini akan dipertingkatkan. Tekanan utama Kementerian ini di tahun-tahun akan datang ialah memperusahakan bukan sahaja kawasan luar bandar, tetapi juga rakyat luar bandar. Oleh itu tugas ahli-ahli KEMAS di tahun-tahun akan datang akan menjadi lebih mencabar dan lebih menarik.

Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini akan mengambil apa juga langkah yang perlu bagi memastikan setiap anggota KEMAS tidak akan mengabaikan tugas mereka. Mana-mana yang didapati tidak dapat menunaikan tugas mereka dengan berkesan, tindakan-tindakan pembedaan akan diambil.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mempertingkatkan pencapaian mereka sejajar dengan tugas baru seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian sebentar tadi, adakah pegawai-pegawai KEMAS itu mempunyai kelayakan yang sepatutnya untuk menjalankan tugas-tugas baru itu?

Keduanya, adakah mereka mempunyai latihan dan kemahiran untuk membuat pengajaran mengenai "monetise economy" yang disebutkan dan juga industri luar bandar dan adakah mereka juga dihadkan umur di mana perkhidmatan mereka dapat ditamat atau dipencenkan? Di tahap umur berapakah mereka dihentikan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, 'KEMAS sentiasa mengadakan latihan-latihan dan juga kursus-kursus yang diperlukan untuk melengkapkan anggota-anggotanya dengan kaedah-kaedah dan

kepandaian-kepandaian baru. Untuk makluman Yang Berhormat, kita mempunyai 10 jenis latihan yang meliputi berbagai-bagai bidang dan setakat ini kita telah melatih 2,350 orang anggota KEMAS supaya dapat mereka ini memenuhi keperluan-keperluan semasa dan keperluan-keperluan akan datang.

Mengenai had umur bagi anggota-anggota KEMAS, kita sentiasa mengkaji umur pegawai-pegawai KEMAS ini dan kalau sekiranya didapati umur mereka telah lanjut dan telah didapati pula mereka tidak lagi menjalankan tugas mereka dengan betul kerana sebab-sebab kesihatan, maka kontrak mereka tidak akan disambung lagi.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat tahu pihak KEMAS hingga masa kini tidak menjalankan kegiatan-kegiatan di dalam kawasan perladangan dan kampung baru dan juga kawasan-kawasan setinggan. Saya ingin mendapat tahu, sebab apa sampai masa kini pihak KEMAS tidak menjalankan tugasnya di dalam kawasan-kawasan tersebut dan bilakah mereka akan metanjutkan aktiviti mereka kepada kawasan-kawasan tersebut?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat itu boleh kita timbangkan, kalau ada permintaan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai pencapaian KEMAS dalam bidang mengembangkan industri kraftangan di desa. Pertama, berapa banyakkah pusat-pusat pengeluaran kraftangan ini yang didirikan di seluruh negara?

Kedua, banyak manakah penjualan hasil kraftangan di pusat-pusat ini

pada tiap-tiap tahun semenjak mereka ditubuhkan? Dan ketiga, selain dari memasarkan hasil-hasil industri kampung melalui Lembaga Kraftangan Malaysia, sila nyatakan lain-lain saluran pemasaran.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya minta maaf saya tidak ada angka-angkanya di sini, tetapi saya akan berhubung dengan Yang Berhormat selepas daripada ini.

Mengenai langkah-langkah untuk memperluaskan pasaran kraftangan yang diusahakan oleh pusat-pusat usahasiswa yang ada dalam negara kita sekarang ini, kita sedang memikirkan beberapa langkah baru untuk memperluaskan pasaran kraftangan yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan kita iaitu dengan jalan mengadakan pasar-pasar kraftangan mingguan yang akan kita mulakan dengan negeri Melaka. Kita berharap kalau kejayaan sudah diperolehi di negeri Melaka maka pihak KEMAS akan menganjurkan pasar kraftangan mingguan di seluruh negara iaitu di pusat-pusat ibu negeri dengan kerjasama KARYANEKA iaitu badan yang mengusahakan pasaran barang-barang kraftangan ini. Dan sekiranya ini dapat dilakukan, bukan sahaja hasil-hasil kraftangan yang dihasilkan oleh pelatih-pelatih KEMAS dan pusat-pusat yang ditubuhkan oleh KEMAS boleh dijual tetapi juga orang-orang perseorangan, orang-orang lain pun boleh menjual hasil kraftangan mereka di pasar-pasar minggu ini.

UNDANG-UNDANG ISLAM

4. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan undang-undang Islam di kalangan orang-orang bukan Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya belum bercadang.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh beritahu Dewan yang mulia ini apakah yang akan berlaku apabila satu pasangan ditangkap berkhalwat di dalam bilik ataupun di satu tempat yang gelap? Apakah nasib atau hukuman yang akan dijatuhkan ke atas orang yang bukan Muslim?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, mungkin perkara itu berlaku di kalangan anggota parti yang berkenaan sekarang ini (*Ketawa*), sebab itu dia bertanya, Tetapi jawapannya, perkara ini adalah perkara yang berbeza dengan soalan asal yang bertanya sama ada bercadang ataupun tidak. Tetapi kalau sekiranya berlaku, biar buktikan dulu berlaku, kemudian saya akan jawab. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan undang-undang Islam ke atas orang-orang bukan Islam, apakah sebagai langkah permulaan Kerajaan bercadang untuk memperhebatkan program penerangan bagi orang-orang bukan Islam supaya mereka memahami undang-undang Islam itu sebagai satu undang-undang yang adil dan boleh memberi kesejahteraan kepada seluruh manusia sejagat yang ada di muka bumi Allah ini?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam jawapan saya tadi disebut bahawa Kerajaan belum bercadang, tetapi penerangan ini

sebenarnya adalah merupakan satu penerangan yang sedang dijalankan, bukan sahaja oleh Kerajaan Malaysia tetapi di atas kesedaran manusia yang cintakan kepada kedamaian.

Usaha ini dibuat di peringkat antarabangsa oleh berbagai-bagai agensi termasuk pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh dunia yang sudah daripada beberapa tahun dahulu membuat satu undang-undang yang dipopularkan oleh negara Perancis dan kemudian dikaji dan diteliti oleh orang-orang Inggeris. Perkara ini difahamkan semula dan sebahagian daripada ajaran Islam telah dirosakkan dari aspek undang-undangnya oleh mereka yang mempunyai rasa cemburu kepada perkembangan ini. Orang-orang Islam di negara ini adalah bertanggungjawab, bukan sahaja orang Islam yang bekerja dengan Kerajaan atau universiti tetapi setiap individu hari ini sedang berusaha menerangkan mengenai dengan aspek undang-undang Islam ini sehingga kelihatan hari ini tanda-tanda bahawa simpati daripada orang-orang yang selama ini melihat Islam sebagai satu agama yang diperkembangkan dengan pedang telah terbukti tidak benar. Pengakuan ini telah dibuat oleh beberapa orang mahasiswa-mahasiswa universiti yang bukan orang-orang Islam, yang bukan Islam sewaktu pelajaran Tamadun Islam diperkenalkan di universiti-universiti.

Langkah ini adalah langkah yang positif bukan dengan tujuan untuk melakukan satu kaedah atau cara yang bertentangan dengan dasar kemanusiaan, tetapi ini adalah satu cara untuk menerangkan kebenaran kepada dunia.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jawapan kepada soalan saya tadi iaitu Kerajaan tidak bercadang. Adakah Kerajaan bercadang demikian dalam masa hadapan; jikalau ya, bila?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebut tidak bercadang bermakna tidak perlu ditimbulkan soalan bila kita hendak cadang. *(Tepuk)*

RAKYAT AFRIKA SELATAN KE MALAYSIA

5. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa kebenaran diberi kepada rakyat Afrika Selatan berkulit putih memasuki negara ini dan dengan berbuat demikian, negara Malaysia akan menyimpang dari perjuangan dan matlamat kulit hitam Afrika Selatan secara langsung dan tidak langsung.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, warganegara Afrika Selatan berkulit putih dibenarkan memasuki Malaysia jika mereka diketahui tidak menyokong dasar apartheid. Pendirian Kerajaan ini tidak menyimpang dari dasar Malaysia menentang apartheid, sebaliknya adalah sejajar dengannya.

Kalaulah Kerajaan Malaysia tidak membenarkan orang-orang Afrika Selatan yang menentang dasar apartheid memasuki Malaysia, kita secara tidak langsung menyokong dasar apartheid dan ini pula adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Apakah Menteri Timbalan *(Ketawa)* yang berkenaan sedar dan bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Timbalan Menteri bukan Menteri Timbalan. *(Ketawa)*

Tuan R. Karpai Singh:
..... Timbalan Menteri
berkenaan bersetuju atau sedar dalam

negara ini ada apartheid; apartheid yang lebih serius daripada yang ada di Afrika Selatan oleh kerana Orang Asli yang asli pribumi dalam negara ini ada diketepikan dan ada pihak-pihak lain yang hendak ganti orang-orang ini? Oleh kerana itu adakah Timbalan Menteri sedar dan bersetuju bahawa keadaan yang ada dalam negara ini adalah lebih serius dari apartheid dalam Afrika Selatan? *(Boo!)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan saya tidak bersetuju, terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menyatakan bahawa hanya mereka yang tidak menyokong dasar apartheid di Afrika Selatan sahaja dibenarkan masuk ke negara ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan siapakah yang akan menentukan, bagaimana cara untuk menentukan orang yang berkulit putih untuk memasuki ke negara ini yang tidak menyokong dasar apartheid itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu mesti sedar bahawa kita mempunyai sistem-sistem dan juga cara-cara yang tertentu untuk mengetahui tentang warna-waraa dan bentuk-bentuk kelakuan orang yang hendak masuk ke negara ini. Sistem ini telah berjaya mengesan kesemua orang-orang daripada Afrika Selatan yang datang ke sini dan kita dapati kesemua yang datang ke sini adalah anti-apartheid.

YURAN PELAJARAN DI UNIVERSITI AUSTRALIA

6. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menasihati Kerajaan Australia

supaya menyemak kembali pengumuman mereka baru-baru ini berhubung dengan para pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Australia dikenakan bayaran yang tinggi.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Australia telah beberapa kali menaikkan yuran pengajian untuk pelajar-pelajar asing yang menuntut di Australia semenjak tahun 1982. Pada tahun 1985, Kerajaan Australia telah mengumumkan kenaikan yuran pengajian untuk pelajar-pelajar asing yang menuntut di Australia bagi tahun 1986 dan 1987. Kenaikan tersebut telah diumumkan juga di dalam Belanjawan Australia bagi tahun 1986/1987 yang telah dibentangkan dalam bulan Ogos 1986.

Adalah menjadi hak Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran pengajian ke atas pelajar-pelajar asing yang menuntut di negara tersebut. Tetapi memandangkan hubungan yang bersifat tradisional terutamanya dalam bidang pelajaran antara kedua-dua buah negara kita dan masalah yang dialami oleh pelajar-pelajar Malaysia akibat kenaikan yuran pengajian itu, Kerajaan kita telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Kerajaan Australia mengenai perkara ini.

Berikutan dengan perbincangan tersebut, Kerajaan Australia telah mengurangkan kadar kenaikan yuran pengajian bagi pelajar-pelajar asing yang telah memulakan pengajian di negara tersebut sebelum bulan Januari 1986 sehingga tamat pengajian mereka. Yuran pengajian bagi pelajar-pelajar ini dinaikkan sebanyak 15% sahaja bagi tiap-tiap tahun berbanding dengan pelajar-pelajar yang memulakan pengajian dalam tahun 1986 yang mana mereka ini perlu

membayar 35% bagi tahun 1986 dan 45% pula bagi tahun 1987 dari jumlah yuran pengajian. Kerajaan Australia tidak dapat memberi pengecualian sepenuhnya.

Tuan Ismail bin Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menyatakan bahawa Kerajaan Australia telah pun beberapa kali menaikkan yuran pelajaran terhadap penuntut asing. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak bilakah yuran ini dinaikkan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kadar-kadar yuran pelajaran yang berkenaan. Yang keduanya, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah sebarang perbincangan diadakan di antara Kerajaan Australia dengan Kementerian Yang Berhormat sendiri ataupun dengan Kerajaan kita?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah menyatakan, kenaikan telah pun bermula dengan terangnya sejak tahun 1982, sungguhpun ada kenaikan-kenaikan sebelum itu dan jumlah itu telah pun saya menyatakan iaitu kenaikan bagi tahun 1986 adalah 35% dan bagi tahun 1987 adalah 45%. Tetapi bagi penuntut-penuntut yang sudah pun mulakan pengajian sebelum bulan Januari 1986, mereka hanya dikenakan 15% sahaja. Ini adalah hasil dari perbincangan dengan Kerajaan Australia. Perbincangan ini banyaknya dikendalikan oleh Suruhanjaya Tinggi kita di Canberra.

Di samping perbincangan diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi kita di Canberra, perbincangan juga telah diadakan semasa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Australia pada Ogos 1984 dan lawatan rasmi Menteri Luar Australia ke Malaysia pada

tahun 1985 dan lawatan Senator Susan Ryan, Menteri Pelajaran Australia pada tahun 1986.

KAD PENGENALAN BIRU— BILANGAN TAK DITUNTUT

7. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kad-kad pengenalan yang tidak dituntut yang dimansuhkan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan sama ada pemohon-pemohon yang berkenaan boleh memohon semula untuk mendapatkan semula kad-kad pengenalan biru; jika ya, sila berikan garis-garis panduan bagaimana permohonan semula

(i) Semenanjung Malaysia dari 1-1-75 sehingga 30-9-86.. .. .	23,377
(ii) Sabah dari 1-6-1972 sehingga 30-9-1986	5,833
(iii) Sarawak dari 1-1-1980 sehingga 30-9-1986	2,060

Jumlah .. 31,270

Pemegang-pemegang kad pengenalan yang terlibat itu boleh mendapatkan semula kad pengenalan dengan cara mengemukakan semula permohonan mereka di mana-mana Pejabat Pendaftaran Negara. Perkara-perkara yang perlu disertakan bersama dengan permohonan-permohonan mereka ialah:

- (i) 4 keping gambar hitam putih saiz kad pengenalan;
- (ii) setem 50 sen bagi yang berumur di bawah 18 tahun dan \$2.00 bagi yang berumur 18 tahun ke atas;
- (iii) kad pengenalan sementara yang ada pada mereka;
- (iv) surat pengesahan dari Jabatan Pendaftaran Negara bahawa kad pengenalan telah dimusnahkan.

sedemikian boleh dibuat, dan sama ada beliau sedar terdapat pemohon-pemohon yang telah pergi ke Jabatan Pendaftaran untuk menuntut kad-kad pengenalan mereka pada tarikh mereka diminta akan datang tetapi jabatan tersebut tidak sahkan bahawa pemohon-pemohon telah datang untuk menuntut kad-kad pengenalan mereka, dan akibat ini ramai pemohon tidak berjaya menuntut kad-kad pengenalan mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kad pengenalan yang tidak dituntut dan dimusnahkan di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

Kementerian Dalam Negeri sedar ramai pemohon yang telah datang ke Jabatan Pendaftaran Negara pada tarikh-tarikh yang ditetapkan tetapi mereka mendapati kad-kad pengenalan itu tidak siap. Oleh yang demikian, mereka telah diberikan tempoh lanjutan untuk menggunakan kad pengenalan sementara. Kelewatan menyiapkan kad-kad pengenalan sekarang adalah kerana Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima terlalu banyak permohonan untuk membaharui kad-kad itu, terutamanya berikutan dengan pelancaran gerakan pertukaran kad pengenalan pada pertengahan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Jabatan Pendaftaran Negara sedang mengambil segala tindakan yang sesuai bagi menyiapkan kad-kad pengenalan ini. Adalah dijangkakan bahawa semua permohonan gantian kad pengenalan akan dapat diselesaikan pada akhir tahun 1986.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu, di antara lebih 30,000 kad pengenalan biru yang dimusnahkan, adakah bilangan di mana kad-kad pengenalan biru itu disalahkeluarkan iaitu kepada orang yang tidak berhak menerima dan oleh kerana itu dimusnahkan ataupun ianya disalahkeluarkan kepada orang-orang seperti pendatang-pendatang haram ke negara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, andaian yang telah dibuat oleh Yang Berhormat itu tidak timbul.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa lebih daripada 30,000 iaitu 31,270 kad-kad pengenalan yang telah dimusnahkan. Saya ingin bertanya, apakah pada pandangan Kerajaan sebab-sebab yang menjadikan mereka tidak mengambil kad-kad pengenalan mereka sehingga terpaksa dimusnahkan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebabnya kemungkinan bahawa perhubungan antara Jabatan Pendaftaran Negara dengan pihak yang berkenaan terputus. Kemungkinan alamat-alamat yang silap, apabila mereka pindah mereka tidak memberitahu, dan keduanya, mungkin ada setengah-setengahnya tidak mengambil hirau tentang hal mustahaknya untuk mengambil kad-kad yang berkenaan. Seperti juga apa yang telah berlaku di mana pertukaran kad pengenalan baru, apabila setelah 6 tahun kita terpaksa menukar kad pengenalan, perkara ini juga tidak diambil berat sehingga apabila kita mengadakan gerakan pelancaran atas pertukaran baru ini, barulah berebut-rebut untuk menukar kad-kad pengenalan yang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 8 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

KAKITANGAN KERAJAAN— PEMBUANGAN KERJA

9. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan satu kenyataan telah dibuat oleh Menteri Buruh baru-baru ini berkenaan kakitangan Kerajaan akan kena buang kerja jika keadaan kemelesetan ekonomi bertambah rumit. Oleh yang demikian;

- (a) sama ada pengumuman tersebut telah dibincang dan diluluskan oleh mesyuarat Kabinet;
- (b) adakah tindakan mengurangkan kakitangan Kerajaan akan menjejaskan pentadbiran Kerajaan; dan
- (c) jika benar, adakah pampasan atau saraan yang patut dan adil diberi kepada mereka untuk menjamin kehidupan dan kepentingan mereka pada masa depan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama maksudnya telah pun saya sentuh dengan panjang lebar dalam jawapan menggulung perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan pada 10hb November, 1986 yang lepas. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

Menyentuh tentang masalah pembuangan kerja pula, Kerajaan tidak pernah membuat sebarang keputusan untuk membuang kakitangannya atas sebab-sebab kemelesetan ekonomi. Oleh yang

demikian, masalah yang dibangkitkan seperti di dalam para (b) dan (c) tidaklah berbangkit.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, sejauh manakah perkara penswastaan yang mengakibatkan pembuangan pekerja-pekerja Kerajaan di mana jikalau sesuatu Jabatan atau pekerjaan yang diswastakan kepada orang luar yang bukan daripada kakitangan Kerajaan, bermaknanya kakitangan-kakitangan tidak diperlukan. Adakah perkara ini yang akibatnya pembuangan pekerja-pekerja Kerajaan?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastaan Kerajaan sebenarnya melibatkan pemindahan kakitangan Kerajaan daripada Jabatan Kerajaan kepada satu pihak swasta yang mengendalikan satu-satu kerja itu. Pada peringkat awal setahu saya dasar penswastaan tidaklah metibatkan sebarang pembuangan kerja.

UCAPAN Y.B. DATO' ABDULLAH AHMAD DI SINGAPURA

10. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini menjalankan satu siasatan baru atas Yang Berhormat dari Kok Lanas, Kelantan untuk memastikan bahawa beliau akan disingkirkan dari pengaruh KGB Russia dan tidak lagi dipengaruhi oleh Russia kerana ucapan beliau baru-baru ini di Singapura telah mendedahkan bahawa beliau adalah seorang yang dari kaum ekstremis dan telah merosakkan keharmonian kaum-kaum Malaysia, negara yang berbilang bangsa, jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah

pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 8hb Oktober, 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Berpunca daripada jawapan itu dan jawapan sebelum itu, kenapa Kerajaan tidak rela memberi satu kenyataan yang tegas atas penahanan Yang Berhormat dari Kok Lanas dalam tahun 1976 atas sebab bahawa beliau seorang pro-komunis khususnya pro-komunis Soviet Russia melalui pengakuan Televisyen di mana baru-baru ini bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn pun kata bahawa confession ini bukan dipaksa dan bukannya demi kepentingan orang ramai negara Malaysia bahawa Kementerian Dalam Negeri memberi satu kenyataan yang tegas sama ada ini benar atau adakah Kerajaan rela untuk merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan (Privileges Committee) untuk siasat perkara ini di mana seorang Ahli Parlimen ada menuntut bahawa beliau ada diseksa atau dipaksa untuk keluaran confession itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat dari Tanjong membawa perkara-perkara yang dibaca dalam akhbar, sepertimana yang telah Yang Berhormat kata tadi bahawa kenyataan daripada Tun Hussein.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara itu bukan dalam akhbar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jadi, dengan sebab itu pihak Kementerian Dalam Negeri tidaklah dapat memberi layanan di atas perkara ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat merasakan perkara ini perlu dan mustahak, Yang Berhormat bolehlah secara bertulis menyatakan kepada Kementerian Dalam Negeri.

DASAR EKONOMI BARU— LANJUTAN

11. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan melanjutkan lagi Dasar Ekonomi Baru apabila tamat tempohnya pada 1990 atau akan membuat pindaan yang lebih adil dan memansuhkan bezanya "Bumiputera" dan "bukan Bumiputera".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, persoalan mengenai sama ada Kerajaan akan melanjutkan lagi Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8hb Oktober 1986 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha selepas tahun 1990 untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai matlamat perpaduan negara. Selaras dengan itu, strategi, rancangan dan dasar-dasar ekonomi yang baru akan terus dikaji dan dirangka ke arah hasrat tersebut.

Dalam melaksanakan sebarang dasar, Kerajaan sentiasa berlaku adil dan dari itu soal meminta Kerajaan membuat pindaan yang lebih adil tidak timbul. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan rujukan "Bumiputera" dan "Bukan Bumiputera" kerana rujukan tersebut ialah semata-mata bertujuan memudahkan "presentation" dengan izin, dari segi prestasi ekonomi berbagai kaum. Ianya sekali-kali tidak bertujuan membeza-bezakan taraf rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Kerajaan tidak berniat untuk

memansuhkan perbezaan bumiputera dan bukan bumiputera, saya ingin tahu sama ada Kerajaan sedar bahawa rakyat Malaysia yang dipanggil bukan bumiputera tidak puas hati dengan panggilan itu dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan akan diambil; dan

Yang kedua, dalam golongan bumiputera sama ada Kerajaan ingin membahagikan kepada bumiputera orang Kadazan, bumiputera orang Dayak, bumiputera orang Melayu biasa dan bumiputera orang Melayu yang pro UMNO, oleh kerana nampaknya setakat ini hanya orang Melayu yang pro UMNO sahaja yang menikmati faedah-faedah hak keistimewaan Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa soalnya Yang Berhormat?

Tuan Chian Heng Kai: Soalan saya ada dua. Yang pertama sama ada Kerajaan sedar bahawa orang Malaysia yang dipanggil sebagai bukan bumiputera tidak puas hati. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Yang kedua, iaitu sama ada Kerajaan dalam memanggil orang bumiputera sama ada mereka itu dibahagi lagi kepada orang bumiputera orang Dayak, bumiputera orang Kadazan, bumiputera orang Melayu biasa dan bumiputera orang Melayu pro UMNO, oleh kerana setakat ini nampaknya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah, sudah faham. Sila jawab!

Dr Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, takrif tentang bumiputera yang tidak puas hati ini hanyalah daripada Parti Pembangkang sahaja (*Tepuk*). Sesebuah masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaysia ini, soal pemecahan soal

pemisahan dan soal perbezaan dalam masyarakat dipengaruhi oleh berbagai faktor.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia ketahui "social cleavage", dengan izin, masyarakat kita, latar belakangnya, sejarah antara satu kumpulan dengan yang lain, kedudukan ekonomi, peluang-peluang pekerjaan dan taraf pencapaian satu-satu masyarakat semuanya ini telah mempengaruhi masyarakat kita pada hari ini. Oleh kerana itu pada hemat saya kurang tepat untuk Yang Berhormat mengatakan bahawa takrif bumiputera dan bukan bumiputera dalam masyarakat kita telah menyebabkan persengketaan atau konflik dan tidak puas hati dalam masyarakat kita.

Soalan kedua tidak ada yang pro UMNO dan tidak, itu hanyalah takrif daripada Parti Pembangkang.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Dasar Ekonomi Baru merampas hak mana-mana golongan rakyat di negara ini dan sekiranya tidak, kenapakah perkara ini dibangkit-bangkit sangat oleh pihak-pihak tertentu di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Soal itu terkeluar dan tidak perlu dijawab.

Soalan sudah habis, kita pergi kepada soalan yang belum dijawab iaitu soalan yang ke 8. Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

Dato' Zainal Abidin bin Jobari: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

BANTUAN KEPADA PETANI

8. Dato' Zainal Abidin bin Johari (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan bolehkah Yang

Berhormat menerangkan apakah rancangan dan usaha Kementerian bagi memberikan pertolongan dan bantuan kepada petani-petani yang sedang terjejas penghidupan mereka oleh kerana kemerosotan harga-harga tanaman seperti kelapa, kelapa sawit, getah dan lain-lain tanaman akibat kemelesetan ekonomi, sehingga menjadi masalah dan kerugian kepada para petani. Dan adakah rancangan Kementerian memberikan bantuan subsidi kepada petani di seluruh negara tennasuk Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh kaum petani oleh kerana kemerosotan harga tanaman mereka akibat kemelesetan ekonomi terutama kelapa, kelapa sawit dan getah. Bagi membantu kaum petani semasa kemelesetan ekonomi pihak Kementerian telah merangka dan melaksanakan beberapa program khas. Di antaranya ialah Operasi Penyelamat yang mula dilaksanakan untuk tanaman kelapa sahaja sejak 27hb September 1985, di mana di bawah program ini FAMA membeli kelebihan pengeluaran kelapa dengan harga yang berpatutan. Di samping itu bagi kawasan-kawasan yang terlalu miskin dan bertambah teruk akibat kemelesetan ekonomi khususnya seperti di Hilir Perak, Baling, Sik dan Padang Terap, pelan operasi bagi mempergiatkan dan mempelbagaikan aktiviti pertanian telah digubal dan sedang dilaksanakan. Pihak Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan pendapatan kaum tani dengan mempelbagaikan aktiviti pertanian serta menolongkan mereka dalam bidang industri kecil.

Yang Berhormat bertanya mengenai sama ada rancangan Kementerian bercorak subsidi untuk membantu petani ini, ingin saya menerangkan bahawa Kerajaan telah menetapkan dasar bahawa pemberian

subsidi hendaklah diminimalkan dan diganti dengan pemberian kredit dari pihak Bank Pertanian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuantan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal ini dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi banyak bertumpu kepada soal pendapatan petani. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang memberi pengertian bahawa petani-petani terutama petani yang menanam padi supaya mengurangkan aktiviti tanaman padi ini kerana penanaman padi ini beridentifikasikan kemiskinan. Oleh itu, apakah langkah-langkah Kementerian ke arah tujuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian itu.

Tuan Luhut Wan: Ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian mengenai perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berdasarkan dengan Dasar Pertanian Negara. Oleh kerana pada pendapat pihak Kerajaan jika para petani iaitu para penanam padi ini tidak dapat meningkatkan hidup mereka lebih baik daripada selama ini dengan mengusahakan bendang-bendang padi mereka, kita harus mencari daya usaha lain dalam bidang pertanian supaya mereka dapat menceburkan diri dalam bidang itu dan supaya mereka dapat hasil yang lebih mewah lagi daripada apa yang didapati daripada menanam padi.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa terdapat banyak tanah, padang ragut, kolam ikan yang terbiar di seluruh negara; kalau ya,

nyatakan keluasannya. Dan juga apakah tindakan ataupun usaha-usaha ke arah mengatasi masalah ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis terhadap angka berapa luas tanah terbiar ini termasuk kolam-kolam ikan kerana ada juga masa kini para penternak ikan yang menganggapkan lombong-lombong bekas orang mengambil timah itu dia kata kolam ikan dia, jadi kita tidak tahu berapa luas semuanya ini, jadi saya minta notis. Nanti kalau salah-salah beri angka nanti dia bersungut pula.

Yang kedua, mengenai apakah tindakan pihak Kerajaan supaya mengusahakan tanah-tanah yang terbiar ini, kita ada mempunyai berbagai-bagai rancangan dan rancangan-rancangan ini telah pun dilaksanakan di dalam beberapa tempat termasuk juga kawasan negeri Yang Berhormat sendiri, kita ada mengusahakan beberapa tempat dan jikalau Yang Berhormat mahu mengetahui dengan tepatnya apa rancangan yang kita peruntukkan bagi melaksanakan berbagai projek di atas tanah terbiar ini, saya harap ada ketika yang baik satu hari nanti, dia berjumpa dengan saya. (*Ketawa*)

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu masalah yang dihadapi oleh petani-petani kita ialah bukan mereka tidak mengusahakan tanah mereka tetapi pemasaran usaha-usaha mereka iaitu terdapat petani-petani di luar bandar di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar kecil di mana sumbangan yang telah pun dimainkan oleh FAMA ataupun Pertubuhan-pertubuhan Peladang di seluruh negara tidak begitu memuaskan iaitu FAMA hanya mengambil peranan untuk memasarkan hasil pertanian estet-estet yang besar dan di kota-kota sahaja. Pertubuhan-pertubuhan Peladang pula tidak diberi banyak

peruntukan untuk mereka membeli barang-barang ataupun usaha-usaha mereka daripada petani dan oleh kerana masalah petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka, ini telah menyebabkan kejatuhan ataupun kekurangan pendapatan mereka. Jadi, apakah rancangan Kerajaan supaya menyeragamkan usaha Kerajaan untuk menyediakan saluran pemasaran hasil-hasil pertanian di seluruh negara termasuk bandar-bandar kecil di luar bandar seluruh negara supaya petani-petani yang tidak dapat memasarkan buah-buahan mereka, sayur-sayuran mereka ataupun daging mereka, barang itu dibeli oleh FAMA ataupun Pertubuhan Peladang supaya dijual di dalam negeri ataupun dieksport.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas itu tetapi yang sebenarnya kita tidak dapat menyalahkan pihak Kerajaan ataupun pihak FAMA oleh kerana pihak FAMA dan pihak Kerajaan berusaha dengan sedaya upaya mencari jalan untuk membeli ataupun menyalurkan pengeluaran para petani di seluruh negara kita tetapi pada pendapat saya adalah ini yang sebenarnya oleh kerana kurang planning para petani. Misalnya kalau dia lihat orang tanam terung, semua orang suka tanam terung tetapi tidak dapat dijual hasil buah terung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Panjang sangat terung ini. *(Ketawa)*

Tuan Luhah Wan: Dan juga bila dia lihat seorang menghasilkan lobak, dia pun ikut tanam banyak-banyak lobak tetapi tidak boleh jual lobak. Saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat di sini termasuk Ahli-ahli Pembangkang, bila pergi melawat kawasan mereka buat dialog dengan para petani di kawasan masing-masing supaya meneliti mana yang kekurangan di dalam market, suruh

dia tanam benda itu, jangan semua tanam satu jenis benda nanti sukar pula untuk dipasarkan.

Maka, saya minta kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhonnat terhadap perkara ini. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut seperti terung-terung dan lobak-lobak telah selesai. *(Ketawa)*

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatanknasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan

Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis", (*Hari Ketiga*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.13 (Jadual)—

Maksud P.13 (Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sidang Jawatankuasa bagi membincangkan perkara-perkara dalam agenda mesyuarat ini, sukalah saya memperingatkan Ahli-ahli sekalian bahawa pada hari semalam, kita telah diberi bahawa mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap telah dihadkan masanya kepada sepuluh minit dan akan terus dihadkan pada hari ini kepada sepuluh minit juga pada tiap-tiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap.

Ingatan saya ialah bahawa dalam kita membangkitkan perkara-perkara dalam Jawatankuasa ini, eloklah kita gunakan masa sepuluh minit itu untuk memberi hujah-hujah kita mengenai cadangan-cadangan yang membina atau positif dan kurangkan hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang merupakan unsur-unsur negatif untuk membolehkan Kementerian-kementerian yang berkenaan mengambil tindakan-tindakan yang wajar dan baik bagi faedah semua.

Dan saya memberi kepada Yang Berhormat yang telah bercakap pada hari semalam dan akan menyambung lagi pada hari ini iaitu Yang Berhormat daripada Gaya, masa lima minit sahaja lagi. Teruskan Yang Berhormat.

3.42 *ptg.*

Tuan Gerard Math Lee Min (Gaya): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.13—Kementerian Kehakiman muka surat 49. Butiran 030000 Pemegang Amanah Raya. Bahawasanya Pejabat Pemegang Amanah Raya adalah satu lagi jabatan yang menghadapi masalah yang ketara dalam kerja-kerja pentadbiran. Pejabat jabatan ini ditempatkan di satu bangunan yang tidak sesuai dengan bidang tidak melebihi 500 kaki persegi, hanya terdapat seorang pemberi dan penerima rasmi bagi seluruh negeri Sabah dan beliau dibantu oleh segelintir pekerja-pekerja sahaja. Dengan bertambahnya kes-kes muflis atau bankruptcy, dengan izin, akibat dari kemerosotan ekonomi sekarang, beliau telah menanggung bebanan kerja lebih dari kemampuan beliau. Dalam bahasa yang lembut beliau tertimbus dengan fail-fail bankruptcy.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada P.13, muka surat 51, Butiran 00100 Bangunan-bangunan Mahkamah. Di Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu umpamanya lorong-lorong jalan di bangunan mahkamah terpaksa digunakan sebagai ruang pejabat dan tempat untuk kabinet-kabinet fail. Adalah sangat penting dan mustahak supaya Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu ini diperluaskan dengan segera. Saya juga difahamkan bahawa permintaan-permintaan untuk memperluaskan bangunan mahkamah ini tidak diambil peduli. Bangunan mahkamah yang ada sekarang di Sandakan tidak mempunyai apa-apa yang hendak dibanggakan. Telah dua kali tender-tender untuk bangunan mahkamah yang baru terpaksa dimansuhkan akibat tidak mendapat peruntukan

walaupun ada peruntukan diberi. Jadi di manakah wang-wang tersebut telah hilang.

Tuan Pengerusi, untuk mengakhiri ucapan saya ini, saya mendesak pihak Kerajaan supaya dapat memberi keutamaan kepada Kementerian ini dalam maksud peruntukan. Negara kita sekarang semakin membesar dan pesat membangun dan juga adalah diharapkan undang-undang dan pentadbiran undang-undang kita akan diperbesarkan juga supaya rakyat Malaysia di seluruh dunia akan dapat melihat bahawa keadilan bukan hanya dilakukan tetapi akan dipastikan supaya ia dilakukan. Dan memastikan iaitu keadilan yang diperlambatkan ialah keadilan yang dinafikan. Di dalam keadaan yang sungguh mengecewakan terhadap perjalanan hal ehwal perundangan kita, yang berjalan sekarang kita mestilah mempertahankan perundangan kita dari menggelusur terus ke arah yang bertambah mengecewakan dan ini adalah tanggungjawab Kementerian ini supaya memastikan perundangan kita dihormati dan disanjung tinggi bukan sahaja di mata rakyat Malaysia sahaja tetapi di mata seluruh dunia.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong.

3.45 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 49, Maksud Bekalan 13, Butiran 010000, 020000—Pentadbiran Am dan Kehakiman.

Tuan Pengerusi, kebebasan kehakiman mesti wujud di negara kita untuk memberi maksud kepada proses demokratik negara kita dilaksanakan di atas doktrin berasingan kuasa, doctrine of separation of powers, dengan izin, iaitu badan perundangan Legislature, Executive dan

Kehakiman. Kehakiman membentuk salah satu asas yang penting dalam pentadbiran negara kita. Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kehakiman kepada mahkamah-mahkamah di negara kita. Oleh sebab itu, hakim-hakim harus diberi kuasa muktamad untuk melaksanakan keadilan termasuk kuasa untuk menjatuhkan hukuman yang sepatutnya berdasarkan fakta-fakta dan keadaan dalam sesuatu kes. Ianya tidak termasuk akal untuk Parlimen menetapkan kepada mahkamah-mahkamah bahawa kategori yang tertentu mesti didapati salah seharusnya dituduh di mahkamah.

Tuan Pengerusi, begitu juga untuk memperluluskan undang-undang yang mengandungi hukuman-hukuman secara kemestian, mandatory sentence, dengan izin, di mana hakim-hakim terpaksa menjatuhkan hukuman tanpa memandangkan kepada faktor-faktor yang meringankan dalam sesuatu kes. Hukuman mati secara kemestian diperuntukkan di beberapa undang-undang kita. Sebagai contoh hukuman mati secara kemestian untuk pemilikan atau pengawalan senjata api atau ubat bedil di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, begitu juga untuk pengedar dadah berbahaya. Sekarang Kerajaan hendak meminda Akta Rahsia Rasmi untuk memperuntukkan satu hukuman penjara secara kemestian. Desakan awam yang menentukan pindaan-pindaan tersebut adalah tanda yang jelas, Kerajaan harus menarik balik pindaan-pindaan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk sekejap! Saya rasa kalau hendak menyebut mengenai dengan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi itu boleh dibangkitkan apabila bacaan kali yang

kedua. Tumpukan dalam perkara-perkara bangunan dan berbagai-bagai di Mahkamah Tinggi. You cannot be specific, dengan izin.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memperuntukkan hukuman-hukuman secara kemestian adalah melanggarkan doktrin berasingan kuasa, doctrine of separation of powers, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Kuasa kehakiman mestilah tinggal di tangan badan kehakiman dan bukan di tangan badan perundangan. Mengatakan kuasa kehakiman bukan dalam kepentingan pihak awam, hakim-hakim dengan faedah pengalaman mereka harus dibiarkan untuk memutuskan satu hukuman daripada pilihan hukuman-hukuman berdasarkan fakta-fakta sesuatu kes tanpa sword of Democles tergantung di atas kepala-kepala mereka dalam bentuk hukuman-hukuman secara kemestian.

Tuan Pengerusi, ianya mungkin dikatakan oleh Kerajaan bahawa terdapat Lembaga Pengampunan untuk meringankan kekerasan hukuman-hukuman secara kemestian, tetapi haruslah tidak dilupakan bahawa Peguam Negara yang menjadi Pendakwa Raya dalam negara ini ialah salah seorang daripada ahli lembaga itu. Bila Perlembagaan Persekutuan dikuatkuasakan selepas merdeka hingga masa sebelum Peguam Negara kini dilantikkan, kita ada seorang Peguam Negara yang juga menjadi Menteri Undang-undang. Peguam Negara sekarang tidak memegang jawapan political dan tidak bertanggungjawab kepada Parlimen.

Pembentuk-pembentuk Perlembagaan Persekutuan tidak memperjuangkan Peguam Negara untuk melaksanakan kuasa-kuasa Pendakwa Raya yang di waktu lepas dilaksanakan oleh Solicitor General, dengan izin.

Tuan Pengerusi, untuk Peguam Negara duduk di dalam Lembaga Pengampunan setakat ini bolehlah difahami sebab keadaannya adalah seperti Setiausaha Dalam Negeri di Britain (the Home Secretary in Britain) kerana tidak ada bercampurtangan dalam pendakwaan, walaupun menyediakan dan memberikan satu report di belakang orang yang tertuduh adalah tidak sepatutnya.

Kini kita ada seorang Peguam Negara yang menjadi Pendakwa Raya yang meminta supaya seseorang tertuduh di mahkamah untuk kesalahan dihukum mati. Tuan Pengerusi, dialah yang menandatangani persetujuan untuk mendakwa, dengan izin, the consent to prosecute. Pendakwa Rayalah yang meminta hukuman, dengan izin, "deterrent" atau hukuman mati, walaupun terdapat hukuman pilihan. Maka bagaimanakah ia boleh duduk dalam Lembaga Pengampunan? Ini adalah seperti meminta pengampunan daripada, dengan izin, seorang executioner.

Perlembagaan kita perlu dipindakan supaya mengeluarkan Peguam Negara daripada menjadi Ahli Lembaga Pengampunan. Tuan Pengerusi, ini diwajibkan daripada segi peraturan-peraturan asas keadilan lazim, dengan izin, the rules of natural justice. Saya berharap Kerajaan dengan bersungguh-sungguhnya akan mengkaji perkara ini demi kepentingan pihak awam. Hak-hak kemanusiaan dan kebebasan asasi boleh dijamin jika kehakiman bersedia berkata sepatah mengenainya.

Di pembukaan Law Association for Asia and the Western Pacific (LAWASIA) . Chief Justices Conference di Pulau Pinang pada 19hb Ogos, 1985, Ketua Hakim Persekutuan, Tun Mohd. Salleh Abas berkata bahawa peranan utama

Hakim-hakim ialah untuk melaksanakan keadilan mengikut undang-undang dan bukan melaksanakan undang-undang mengikut keadilan.

Tun Salleh berkata, undang-undang dan keadilan tidaklah sama dan tidak sepatutnya disamakan maksudnya. Ia berkata lagi bahawa Hakim-hakim yang menimbangkan pendapat-pendapat pihak awam mengenai keadilan, jika pendapat-pendapat itu berpatutan dengan taraf di sisi undang-undang. Tuan Pengerusi, Ketua Hakim juga berkata ianya tidak di bidang kuasa mahkamah untuk menukarkan taraf tanpa mengambilalih kuasa perundangan Parlimen atau kuasa Eksekutif Kerajaan.

Tuan Pengerusi, walaupun Ketua Hakim tidak boleh disalahkan bila ia berkata keadilan mesti dilaksanakan mengikut undang-undang dan bukan sebaliknya, haruslah tidak dilupakan bahawa Hakim-hakim mesti ada keberanian, bermoral, dengan izin, the moral courage, untuk mengatakan bila undang-undang tidak sampai ke taraf keadilan yang diharapkan atau yang sepatutnya.

Ternyata lah undang-undang mesti termasuk keadilan yang lazim, dengan izin, the rules of natural justice. Tidak boleh dinafikan bahawa keadilan lazim memberikan keadilan kepada undang-undang. Keadilan ialah satu konsep yang terdapat dalam fikiran semua manusia yang munasabah. Sebagai contoh, Hakim-hakim tahu, tidak ada keadilan yang ternyata di dalam, dengan izin, "The Essential (Security Cases) Regulations".

Tuan Pengerusi, Peraturan-peraturan itu memperuntukkan penerimaan, dengan izin, hearsay evidence, perakaman keterangan dalam ketidakhadiran orang yang tertuduh atau peguambelanya, saksi-saksi boleh memberi keterangan-keterangan dengan memakai topeng.

Segala peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini tidak pernah terdapat di mana-mana tempat pun. Ini semua ialah contoh ketidakadilan yang melampau sekali. Pernah ada desakan antarabangsa tentang Peraturan-peraturan ini yang menghukum seorang budak berumur 14 tahun di gantung mati, tetapi Hakim-hakim kita tidak berani menghapuskan undang-undang ini kerana tidak sampai ke taraf keadilan yang munasabah.

Para Hakim tidak harus melaksanakan undang-undang dengan mata tertutup. Tidaklah boleh dinafikan bahawa sistem kita berdasarkan doktrin berasingan kuasa, tetapi doktrin ini bukan bermaksud bahawa para Hakim tidak boleh buat apa-apa pun apabila terdapat undang-undang yang ternyata langsung tidak adil. Tentu sekali para Hakim dalam keadaan demikian boleh dengan segan melaksanakan undang-undang ini tetapi pada masa yang sama menandakan kebencian mereka terhadap undang-undang ini dengan mendesak supaya undang-undang ini dihapuskan.

Perkataan "Justice", dengan izin, mendahului nama seseorang Hakim. Ianya tentu mustahil sekali jika seseorang Hakim dengan jinaknya melaksanakan sesuatu undang-undang yang tidak mengandungi ciri-ciri asas keadilan sebagaimana yang difahami oleh dunia ini.

Satu Badan Kehakiman yang bebas dan teguh adalah satu pertahanan tentang Eksekutif yang melampau, yang dengan sentiasa meluluskan undang-undang yang tidak adil melalui majoriti yang melampau di dalam Parlimen.

Memburukkan lagi keadaan ini ialah Senate kita yang mengandungi ahli-ahli politik yang telah ditolak oleh

pengundi-pengundi dalam pilihanraya Dewan Rakyat dan yang berhutang budi kepada parti yang berkuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, saya beri dua minit lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, dalam analisa terakhir, terpulanglah kepada kehakiman untuk menandakan kebencian terhadap undang-undang kekerasan dan tidak adil dan menentukan penghapusan undang-undang ini. Para Hakim dengan membuat demikian, bukanlah mengambilalih kuasa badan perundangan kerana didesak oleh pihak awam, sebaliknya mereka adalah menyemak dan memeriksa kelulusan undang-undang yang bertentangan dengan kepentingan awam.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.57 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak membangkitkan dua perkara dalam perbahasan saya atas perkara mengenai kehakiman dan saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 49, Butiran 020000-Kehakiman.

Mengenai Kehakiman, saya suka menyentuh masalah kelewatan memberikan pengadilan akibat tunggakan kes mahkamah yang begitu banyak, baik kes sivil mahupun kes jenayah yang menunggu dibicarakan.

Daripada butir-butir Anggaran Belanjawan 1987 seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 42 Tahun 1986, adalah didapati sejumlah besar tunggakan kes mahkamah untuk tahun-tahun 1985 dan 1986. Anggaran menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 479,608 kes tunggakan yang

menunggu dibicarakan di Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1987 juga mencatatkan sejumlah besar kes yang dibawa ke hadapan untuk tahun-tahun 1985 dan 1986. Terdapat kes-kes dibawa ke hadapan untuk Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Tuan Pengerusi, dalam hal mengenai aspek kelewatan ini pihak Kerajaan haruslah mengambil satu pandangan yang serius mengenai tunggakan dan kes-kes yang ditangguhkan kerana kekurangan Hakim dan majistret. Sepertimana pepatah berbunyi, "Penangguhan pengadilan bererti penafian keadilan", kami berpandangan bahawa kelewatan dalam melakukan pengadilan, meskipun apa juga sebabnya telah menimbulkan ketidakadilan kepada orang-orang yang terlibat.

Langkah-langkah segera perlulah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Perkara segera yang perlu dilakukan ialah bagi Kerajaan mengambil bertugas lebih ramai majistret bagi menggantikan mereka yang telah berhenti, di samping membuka lebih banyak mahkamah majistret.

Lebih ramai Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik untuk mengadili tunggakan kes Mahkamah Tinggi. Adalah juga satu keperluan untuk merangka satu skim gaji yang lebih menarik bagi Hakim-hakim dan majistret yang botoh membantu mereka mengekalkan jawatan mereka. Kementerian hendaklah juga menyediakan lebih kakitangan sokongan seperti kerani, jurutaip dan penterjemah mahkamah untuk hakim-hakim dan majistret.

Apa yang diperlukan ialah lebih banyak peruntukan wang hendaklah diberikan dan inilah sebabnya Kerajaan mesti bersedia memberikan keutamaan yang tinggi kepada Kementerian Kehakiman dengan memastikan lebih banyak peruntukan yang besar diberikan kepada Kementerian supaya kedaulatan undang-undang dapat ditadbir dengan sempurna, cekap dan berkesan.

Melihat kepada peruntukan kewangan untuk Kementerian Kehakiman adalah jelas bahawa ianya tidak diberikan keutamaan. Sebagai contoh, dalam Belanjawan 1987, Kementerian ini hanya diperuntukkan \$53.5 juta berbanding dengan \$59.3 juta dalam Belanjawan 1986. Peruntukan ini mengandungi \$44.6 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$8.8 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Mengenai perkara kehakiman, saya juga suka membangkitkan cadangan untuk mewujudkan Mahkamah Tuntutan Kecil. Saya telah menyuarakan bemlang kali dalam Dewan ini sejak beberapa tahun lalu tentang perlunya ditubuhkan Mahkamah Tuntutan Kecil. Saya harap Kerajaan akan mengambil langkah untuk menubuhkannya tanpa perlu dilengah-lengahkan lagi.

Mahkamah Tuntutan Kecil diperlukan di negara kita bagi membantu orang-orang miskin dan golongan berpendapatan rendah menikmati kemudahan keadilan dengan cara yang senang, cepat dan tidak melibatkan bayaran yang tinggi.

Peraturan mahkamah sekarang adalah terlalu rumit oleh kerana seorang rakyat biasa tidak boleh terus ke mahkamah untuk mengemukakan tuntutan tanpa mendapatkan perkhidmatan seorang peguam. Jika peraturan ini dibuat begitu mudah, pihak yang menuntut boleh berbuat

demikian dengan mengisi borang-borang tertentu dan menyerahkannya kepada orang yang kena tuntutan supaya perkara tersebut dibicarakan oleh seorang majistret atau pegawai dilantik sebagai penimbangtara di bawah Mahkamah Tuntutan Kecil.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Sebagai contoh, jika seseorang hendak menuntut balik pinjaman \$1,000 pada masa ini beliau terpaksa berhubung dengan peguam yang barangkali akan meminta bayaran guaman yang tinggi melebihi tuntutannya. Pendakwa bukan sahaja akan kehilangan \$1,000, tetapi lebih daripada itu jika dia gagal memenangi kes itu.

Dengan penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil, semua kes yang sedemikian boleh dibicarakan tanpa terpaksa melalui berbagai peraturan undang-undang.

Mahkamah Tuntutan Kecil boleh menjadi satu kenyataan jika pihak Kerajaan bersedia memperkenalkan satu Rang Undang-undang Tribunal Tuntutan Kecil di Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4,04 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk muka surat 49, Maksud B. 13, Butiran 01000—Pentadbiran Am dan 02000—Kehakiman sekali gus.

Tuan Pengerusi, sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, saya kira tidak ada sebuah negara yang boleh berbangga seperti negara kita, betapa proses keadilan berlaku di negara kita di mana sistem demokrasi yang dibentuk berasaskan

kepada pemisahan, dengan izin, legislative, executive dan juga judiciary wujud di negara kita.

Tuan Pengerusi, sememangnya kita mendokong proses keadilan itu kerana tidak ada perkara yang paling mulia daripada melihat keadilan itu berlaku dalam masyarakat kita, apatah lagi untuk melihat wujudnya sebuah negara yang adil yang kita idamkan bersama. Maka Kementerian Kehakiman sudah tentu mempunyai peranan dan tanggungjawab.

Di peringkat kita di Dewan yang mulia ini, adalah merupakan golongan penggubal undang-undang. Kita mengakui di mana wujudnya kebebasan kehakiman apabila negara kita ataupun Kerajaan kita mengambil keputusan untuk menghalau dua wartawan asing yang dituduh bersubahat dengan Zionisme, tetapi oleh kerana kewujudan proses kehakiman, kita dapati berbeza pula keputusan yang terpaksa kita terima, walaupun niat Kerajaan menghalau dua wartawan asing ini mempunyai niat yang baik bagi menjamin kestabilan politik negara. Di sinilah sukarnya kita bercakap soal proses keadilan kehakiman.

Ada golongan mempersoal betapa lewatnya mahkamah-mahkamah kita mengendalikan kes-kes untuk rakyat supaya keadilan-keadilan itu dinikmati oleh semua lapisan. Ada golongan yang bercakap, proses keadilan mestilah tegas bila menghapus pengedar-pengedar dadah dan ada golongan-golongan yang bercakap kita mesti tegas menghapus golongan-golongan penjenayah, tetapi yang malangnya, orang yang sama juga cuba menjadi juara kepada pembelaan keadilan, kononnya di atas proses kebebasan kehakiman. Di sinilah perkara-perkara yang saya rasa membantut perjalanan proses kehakiman kita, bukan sahaja dengan lebih cepat, tetapi kadang-kadang menimbulkan keresahan di kalangan rakyat.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, banyak kes-kes seperti yang kita sebut pengedar dadah, penjenayah-penjenayah boleh dipercepatkan oleh mahkamah kita, kalau tidak ada sangat golongan-golongan yang cuba hendak menjadi isu-isu yang ditahan di bawah ISA kerana pengedar dadah, hendak dijadikan isu-isu politik. Susah apabila kita berhadapan dengan golongan-golongan seperti ini. Sebab itulah, Tuan Pengerusi, dalam soal kehakiman negara ini, saya juga ingin mencadangkan supaya sudah sampai masanya proses kehakiman negara kita ini dilihat dari sudut penerapan permulaan nilai-nilai Islam.

Yang Arif Tun Salleh Abas, Lord President, dengan izin, telah pun membuat ucapan terbuka di suatu simposium Persidangan Perundangan Islam yang dianjurkan di Kuala Lumpur baru-baru ini, di mana beliau berkata adalah perkara yang boleh dilakukan dengan langkah permulaan supaya Mahkamah Syariah dan mahkamah biasa dicantumkan sebagai suatu proses menuju ke arah penerapan nilai-nilai Islam dan menjadikan proses kehakiman itu di bawah naungan Undang-undang Islam.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, usaha-usaha yang mulia dan suci seperti ini dapat dijalankan kalau semua mempunyai keikhlasan, niat dan nawaitu kita berada di Dewan yang mulia ini, mewakili rakyat di seluruh negara, menjadi pemimpin rakyat, tidak ada lain daripada untuk melihat suatu sistem keadilan wujud di negara kita dan sistem keadilan yang patut wujud di negara kita sesuai dengan sebuah negara Islam walaupun kita mengakui negara kita masyarakat yang berbilang kaum; tetapi usaha-usaha yang lebih gigih kalau dijalankan dengan teratur dan penuh keikhlasan, saya percaya proses percantuman ini nanti akan memberi

keadilan yang lebih mantap kepada seluruh rakyat malah juga kepada Pembangkang DAP sendiri.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat dari Bukit Bintang supaya ditubuhkan Mahkamah Tuntutan Kecil bagi mempercepatkan perkara-perkara yang kecil yang memerlukan proses perundangan, saya kira cadangan ini tidaklah perlu buat masa ini, tetapi cukup sekadar kalau kita mempertingkatkan kemampuan dan prestasi Mahkamah Majistret kita yang berselerak di seluruh negara.

Kita mempunyai Jaksa Pendamai iaitu tokoh-tokoh yang dianugerahkan Jaksa Pendamai oleh Kebawah Duli Sultan-sultan di Otai-tiap negeri. Saya kira khidmat-khidmat mereka ini boleh digunakan bagi membantu supaya proses kehakiman negara kita ini bukan sahaja cepat tetapi juga menjamin kehendak-kehendak keadilan sejagat yang kita perjuangkan bersama.

Saya tidak hendak mengambil masa yang panjang, sekadar untuk memberi pendapat sepertimana yang disebutkan tadi. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Larut.

4.11 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, Maksud B.13, muka surat 50, Butiran 050000, Program Perkhidmatan Bantuan Guaman. Saya suka menarik perhatian Majlis mengenai Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Kita semua sedar bahawa Kerajaan menubuhkan Bantuan Guaman ini dengan wang yang begitu banyak bagi tiap-tiap tahun mengikut budget guna menolong orang-orang miskin yang

berpendapatan rendah mengenai hal ehwal perundangan mereka, sama ada civil ataupun criminal. Saya suka menarik perhatian Majlis bahawa sebagai seorang peguam, saya selalu didatangi oleh orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan untuk melantik peguam untuk memberi khidmat kepada mereka.

Saya suka bawa di sini bahawa kebanyakan mereka ini tidak mengetahui tentang adanya Perkhidmatan Bantuan Guaman percuma itu. Ini termasuk orang-orang di kota dan apatah lagi orang-orang di kampung dan di luar bandar. Mungkin mereka tidak diberitahu tentang wujudnya Bantuan Guaman yang ditubuhkan oleh Kerajaan itu.

Yang kedua, saya suka menarik perhatian Majlis bahawa mereka kadang-kadang tidak mendapat layanan yang baik dan pihak yang berkenaan biasanya tidak memberi layanan yang sewajarnya walaupun Kerajaan banyak membelanjakan wang bagi pengurusan-pengurusan Bantuan Guaman. Kita tahu, Tuan Pengerusi, walaupun khidmat itu khidmat bantuan, saya harap bantuan itu hendaklah diberi mengikut, dengan izin, the nature of the case, misalnya dalam soal accident, umpamanya, tentulah yang menerima akibat itu berkehendakkan bantuan dalam soal saman-menyaman dan si pesalah hendak dicari untuk menerima saman, dengan izin, the defedant.'

Tuan Pengerusi, satu perkara yang biasanya mengambil masa yang lama dan dengan yang demikian sangatlah dukacita bahawa sedikit benar didapati yang peguam-peguam atau pegawai-pegawai yang diletakkan di Biro Bantuan Guaman itu memberi "follow-up", dengan izin, kalaulah si penuntut bantuan itu tidak datang berkali-kali ke pejabatnya. Mereka senantiasa datang ke pejabat peguam-peguam untuk mendapat nasihat

setelah mereka pergi menemui Biro-biro Guaman mengenai perkara-perkara yang telah dibawa ke Biro Bantuan Guaman tadi. Alhamdulillah, kalau mereka datang menemui saya, bayaran tidak dikenakan. Kalau mereka ini datang menemui setengah-setengah peguam lain, mungkin mereka dikenakan bayaran kerana hanya bertemu dengan peguam sahaja.

Pada akhirnya, saya suka menyebut di sini bahawa saya berharap Bantuan Guaman ini biarlah memberi kesan yang lebih bermakna dan Kerajaan pula hendaklah memberitahu kepada semua golongan rakyat bahawa bantuan guaman boleh didapati dengan percuma jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menarik perhatian Majlis, kebanyakan Pejabat-pejabat Biro Guaman ini terletak di bangunan-hangunan yang tidak sedar wujudnya. Kalaupun ada pejabat-pejabat itu, seolah-olah hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Saya berharap Pejabat-pejabat Biro Bantuan Guaman diperbanyakkan lagi dan menyeluruh terutama sekali di bandar-bandar ataupun di mukim-mukim atau kampung-kampung yang terpencil supaya orang-orang miskin yang tidak ada kemampuan dapat mengetahui di mana mereka boleh mendapat bantuan guaman secara percuma. Bagi orang-orang di bandar, mereka tidak memerlukan bantuan pada kebanyakannya kerana mereka mempunyai pendapatan yang lebih daripada syarat-syarat yang dikenakan dan mereka mempunyai keupayaan dan mempunyai peguam-peguam mereka sendiri.

Itulah sahaja seruan saya di Majlis yang mulia ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri sila jawab.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Pengerusi, izinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri menjawab beberapa perkara mengenai bidang tugas Kementerian Kehakiman yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat Jawatankuasa ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil kesempatan dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Gaya telah menimbulkan beberapa perkara berhubung dengan pentadbiran kehakiman di Sabah, antara lain, mengenai bilangan hakim, kekosongan jawatan-jawatan Yang Di Pertua serta Majistret di Sabah, memperbaiki gaji serta syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Undang-undang serta kakitangan yang bertugas di mahkamah-mahkamah di Sabah, kekurangan Jurubahasa terutamanya Jurubahasa Cina di mahkamah-mahkamah di Sabah dan juga mengenai pemakaian "Legal Profession Act", dengan izin, ke Sabah.

Mengenai masalah kekurangan hakim di Sabah, jawapan mengenainya telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 10-10-86. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenai perkara ini. Begitu juga halnya mengenai masalah pengisian jawatan-jawatan Yang Di Pertua dan Majistret di Sabah yang masih kosong, saya telah memberi jawapan pada 14-10-86 ketika saya menggulung perbahasan atas Titah Di Raja di Dewan yang mulia ini.

Berhubung dengan pertimbangan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Undang-undang termasuklah Majistret dan Yang Di-Pertua Mahkamah Sesyen serta kakitangan yang lain yang berkhidmat di mahkamah-mahkamah di Sabah, ianya adalah tertakluk kepada semakan gaji oleh Kerajaan bagi Perkhidmatan Awam keseluruhannya. Jawapan yang sama telah pun diberi pada 13hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, tidak cukup kuorum.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak cukup kuorum.

(Loceng dibunyikan, Ahli-ahli dikira: 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Oo Gin Sun: Berhubung dengan pengisian jawatan Jurubahasa di mahkamah-mahkamah di Sabah terutamanya Jurubahasa Cina, Kementerian Kehakiman sedang berusaha dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan calon-calon baru bagi memenuhi 10 jawatan Jurubahasa Cina yang masih kosong.

Mengenai pemakaian Legal Profession Act 1976, dengan izin, Tuan Pengerusi, ke Sabah, perkara ini masih di dalam pertimbangan Peguam Negara untuk dikemukakan bagi pertimbangan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, mengenai kebebasan kehakiman yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, sebenarnya Kementerian Kehakiman yang ada sekarang tidak sekali-kali menjejaskan sistem kehakiman yang bebas di negara ini iaitu menurut Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, berkaitan soal kelewatan:

- (i) memberi hukuman dalam kes-kes tunggakan;
- (ii) menubuhkan mahkamah-mahkamah;
- (iii) menggubalkan skim-skim gaji yang lebih menarik; dan
- (iv) menubuhkan Mahkamah-mahkamah Tuntutan Kecil,

kesemua perkara itu sedang mendapat perhatian dan tindakan Kerajaan sewajarnya. Itu adalah jawapan kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh mengenai kelewatan mahkamah menjalankan penerapan nilai-nilai Islam dalam mengendalikan kes-kes mahkamah, khidmat Jaksa Pendamai boleh digunakan dan Kerajaan akan mengambil perhatian hal ini.

Yang Berhormat dari Larut membangkitkan beberapa perkara yang bersangkutan dengan Kementerian saya dan ini akan diambil perhatian. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$44,675,700 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$44,675,700 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$8,831,000 yang disebutkan dalam Maksud P.13 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,831,000 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987.

Maksud B.14, B.15 dan B.16 (Jadual)—

Maksud P.14, P.16 (Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kepala B.14-B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

4.23 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Kertas Perintah 41/1986 Anggaran Perbelanjaan 1987, Maksud Pembangunan P.14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran 01500 di bawah tajuk "Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah", muka surat 57 di dalam Anggaran Perbelanjaan 1987.

Mengikut butiran ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membelanjakan sebanyak \$97,980,000 sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk rancangan perumahan awam kos rendah pada tahun 1987. Jika dibandingkan dengan anggaran tahun 1986 yang berjumlah \$242,909,020 didapati bahawa perbezaannya adalah besar sekali. Kita sedia maklum bahawa kemelesetan ekonomi negara memaksa pengurangan perbelanjaan ke tahap yang begitu rendah. Tetapi kita berharap bahawa peruntukan tahun 1987 untuk rancangan perumahan awam kos rendah tidak akan terjejas memandangkan permintaan yang meningkat. Kita juga mahu melihat supaya pihak

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri akan mewujudkan keadaan di mana lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah dibina.

Pembinaan rumah kos rendah sangat perlu oleh kerana masih ramai lagi penduduk-penduduk di negara ini yang tidak mendapat kemudahan perumahan yang sewajarnya. Di ibu kota dan bandar-bandar terdapat beribu-ribu penduduk yang tinggal di rumah setinggan tanpa kemudahan asas yang mencukupi. Malahan di kawasan separa bandar dan pekan-pekan kecil pun, pembinaan rumah kos rendah diperlukan. Oleh itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan haruslah meneruskan usaha-usaha bukan sahaja untuk menambah rumah kos rendah tetapi juga menaburkannya di kawasan-kawasan yang memerlukan perumahan termasuk di kawasan pekan-pekan kecil dan luar bandar.

Selain daripada itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah juga memastikan supaya harga rumah kos rendah adalah benar-benar rendah. Kalau di dalam pasaran sekarang, ia tidak harus melebihi \$25,000 untuk satu unit. Langkah-langkah untuk mengurangkan harga rumah kos rendah boleh diambil seperti menjual tanah kepada pemaju dengan harga minima untuk dijadikan tapak.

Merujuk kepada Maksud Bekalan B.15, Butiran 020000 di muka surat 62, Anggaran Perbelanjaan 1987, di bawah program Perancangan Pelan-pelan Pembangunan dengan peruntukan sebanyak \$5,709,000, saya ingin menyarankan supaya Jabatan Perancang Bandar dan Desa mengubahsuaikan keutamaan pembangunan. Kalau sehingga hari ini Jabatan tersebut terlalu banyak menumpu kepada perancangan

pembangunan kepada perumahan di bandar, maka sudah tibalah masanya keutamaan diberi pula kepada kawasan desa.

Seperti disarankan terlebih awal, permintaan perumahan kos rendah di kawasan luar bandar ataupun di desa adalah besar. Malahan sekiranya kesemua daripada 80,000 unit rumah kos rendah yang dirancang untuk tahun 1987 dibina di luar bandar, maka ia masih tidak dapat memenuhi permintaan yang sedia ada. Mungkin ada pendapat-pendapat yang akan menyarankan bahawa golongan penduduk luar bandar tidak mampu membayar harga rumah kos rendah. Pendapat ini tidak benar memandangkan beratus ribu penduduk-penduduk luar bandar yang bukan sahaja memohon unit-unit rumah, tetapi juga mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membiayai pembayaran rumah-rumah tersebut. Ini tidak termasuk golongan penduduk-penduduk yang bergaji tetap seperti kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bekerja sebagai guru, kerani, posman, atendan kesihatan, juruteknik rendah, pelayan pejabat dan lain-lain yang sudah tentu mempunyai kemampuan membayar.

Dengan bertambahnya bilangan rumah kos rendah di kawasan luar bandar, maka perancangan untuk mempertingkatkan taraf hidup di desa akan dapat dilaksanakan. Ini boleh mengurangkan jurang perbezaan taraf hidup rakyat di antara yang berada seperti di bandar dengan yang kurang berada di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Maksud Bekalan B.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Butiran 020000 di bawah tajuk—Operasi Melawan Kebakaran, muka surat 63; juga Maksud Pembangunan P. 16 Jabatan Perkhidmatan Bomba, Butiran 00100 di bawah tajuk—Balai

Bomba dan Bangunan; serta Butiran 00200 di bawah tajuk—Kereta Bomba dan Kelengkapan, di muka surat 64.

Tuan Pengerusi, di akhir-akhir ini kita melihat banyak kebakaran telah berlaku kepada rumah-rumah, kedai-kedai, kilang-kilang dan sebagainya bukan sahaja di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar di Malaysia ini tetapi juga di pekan-pekan kecil dan juga kawasan-kawasan luar bandar. Kebakaran-kebakaran tersebut telah memusnahkan banyak harta benda dan juga sebilangan nyawa manusia. Kehilangan dan kemusnahan harta benda dan nyawa ini dapat dielak atau dikurangkan sekiranya Jabatan Perkhidmatan Bomba mempunyai anggota dan alat-alat melawan kebakaran yang mencukupi dan setimpal dengan keadaan semasa.

Pihak Kerajaan harus mengambil berat atas kemampuan Jabatan Perkhidmatan Bomba bergerak untuk menyelamatkan harta benda dan nyawa daripada kemusnahan. Kemampuan tersebut meliputi berbagai perkara termasuk mempunyai bilangan kereta bomba yang mencukupi dan anggota-anggota yang terlatih sama ada secara sepenuh masa atau sambilan. Di kawasan bandar-bandar seharusnya setiap stesyen bomba mempunyai kelengkapan-kelengkapan penyelamat yang baik, tangga-tangga dan hos pancutan air mestilah berkeupayaan untuk memadam kebakaran yang mungkin berlaku di menara-menara pencakar langit atau rumah-rumah pangsa yang berpuluh-puluh tingkat tingginya.

Kita tidak mahu melihat kejadian kebakaran seperti yang berlaku di negara-negara lain di mana kebakaran telah meragut nyawa penghuni-penghuni di hotel-hotel besar akibat tidak cukupnya alat-alat melawan kebakaran.

Di samping itu pihak Perkhidmatan Bomba harus juga menambah kemudahan-kemudahan melawan kebakaran di pekan-pekan kecil dan di kawasan luar bandar. Apa yang menyedihkan di masa kini ialah kekosongan kemudahan-kemudahan melawan kebakaran di hampir semua pekan-pekan kecil dan kampung-kampung di kawasan luar bandar di negara ini. Kalau adapun kemudahan, maka ianya berpusat di bandar-bandar besar yang dikejarkan ke pekan-pekan kecil yang berhampiran ataupun ke kawasan luar bandar. Oleh kerana jarak di antara tempat kejadian kebakaran ini dengan stesyen bomba di bandar biasanya sangat jauh maka kemudahan-kemudahan seperti Perkhidmatan Bomba tidaklah memberi kesan.

Lazimnya rumah atau bangunan yang terbakar di pekan-pekan kecil atau di kampung-kampung akan terus terbakar hingga menjadi abu sebelum kereta-kereta bomba sampai untuk menyelamatkan. Keadaan sebegini tidaklah memuaskan dan di sini saya suka mencadangkan agar kemudahan bomba ditumpukan juga kepada kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar-bandar besar. Sekiranya Jabatan Perkhidmatan Bomba tidak mampu membina stesyen-stesyen kecil bomba di kawasan-kawasan tersebut maka mungkin lebih baik diwujudkan beberapa Pasukan Sukarela Bomba Tempatan untuk mencegah kebakaran.

Dengan adanya pasukan-pasukan sukarelawan seperti ini yang dilatih oleh anggota-anggota Jabatan Bomba maka mungkin banyak harta benda dan nyawa boleh diselamatkan dari kebakaran di kawan luar bandar.

Dalam hal ini mungkin sebahagian daripada \$3 juta yang diperuntukkan di bawah Maksud Pembangunan P.16, Butiran 00200 di bawah tajuk

Kereta Bomba dan Kelengkapan 1987 boleh diagih-agihkan bagi keperluan dan kemudahan perkhidmatan bomba di kawasan luar bandar. Cara pengagihannya terpulanglah kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba. Yang penting ialah supaya Perkhidmatan Bomba di negara ini tidak semata-mata ditumpukan kepada bandar-bandar besar sahaja. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pendang.

4.36ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Pendang): Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang bagi membahaskan perkara di bawah Maksud Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini.

Bagi Maksud P.14, Butiran 01500 muka surat 57, saya sependapat dengan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Othman bin Abdul: Muka surat 57, Butiran 01500, Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah; Pinjaman—07 hingga 012.

Saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang menyatakan bahawa kemudahan ataupun bekalan rumah kos rendah ini adalah amat perlu bagi kawasan-kawasan luar bandar di mana permintaan ataupun keperluan bagi masyarakat luar bandar untuk rumah ini adalah tinggi sekarang ini. Disebabkan oleh kelembapan dan kemuraman di dalam sektor pembinaan ini, pembinaan rumah-rumah kos rendah juga kita akui bahawa supply, dengan izin, memmjukan kekurangan pada tahun ini dan juga pada tahun-tahun yang akan datang.

Semasa membentangkan Belanjawan 1987, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan di dalam Dewan ini bahawa buat masa ini keuntungan yang berlebihan yang diterima oleh kontraktor-kontraktor rumah sekarang adalah perlu dikaji semula ataupun tidak boleh lagi dipraktikkan. Pada masa-masa yang lalu kita lihat sektor perumahan inilah yang memberi keuntungan yang banyak kepada pemaju-pemaju perumahan, kadang-kadangnya sehingga 200% keuntungan diperolehi oleh seseorang ataupun sesebuah syarikat perumahan itu. Jadi, dalam soal ini, saya hendak membangkitkan masalah-masalah yang timbul sekarang ini di peringkat perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan rumah kos rendah. Walaupun pada peringkat perlaksanaannya ia menunjukkan suatu perjalanan yang baik, Kerajaan memberi jaminan bahawa sesuatu permohonan untuk membuat ubah syarat dan pecah sempadan, dengan izin, conversion dan juga sub-division ini boleh diluluskan di dalam masa tiga bulan.

Tetapi saya mempunyai kekuatan bahawa perkara ini boleh disebutkan semasa rundingan atau bermesyuarat misalnya. Tetapi apabila sampai ke peringkat pelaksanaan untuk melaksanakan keputusan ini, sudah pastilah ia akan menimbulkan banyak masalah, kerana daripada pengalaman saya semasa bekerja dengan Kerajaan. Ini suatu perkara yang perlu ditimbulkan dan diselesaikan oleh Kerajaan.

Pada masa ini apabila Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri menjawab, kesalahan-kesalahan itu diletakkan seluruh kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, di mana soal tanah soal Kerajaan Negeri, soal kelulusan soal Kerajaan Negeri—kita bersetuju. Saya bersetuju bahawa

ini adalah masalah Kerajaan Negeri tetapi penyelarasan dan kelulusan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat mestilah disalurkan dengan sebenarnya dan sebetulnya supaya Kerajaan Negeri itu faham apa maksud Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membolehkan kemajuan di dalam pembangunan rumah kos rendah ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya pernah juga berbincang dengan kontraktor-kontraktor perumahan ini yang menyebutkan masalahnya. Pertama, saya hendak menyebut tentang macam manakah seorang pemaju perumahan itu hendak memulakan projeknya apabila beliau mendapat sebuah tapak yang disediakan oleh Kerajaan hasil daripada pemberian Kerajaan Negeri dengan bayaran nominal, dengan bayaran yang rendah untuk dimajukan supaya rumah itu benar-benar kos rendah.

Pertama sekali, modal yang perlu dicari oleh pemaju itu. Dia memerlukan Surat Hakmilik untuk disandarkan sebagai jaminan kepada pinjaman baginya—bridging finance, dengan izin untuk membolehkan pemaju perumahan itu menjalankan atau memulakan projek perumahan kos rendah ini.

Kelulusan boleh diberi dalam masa tiga bulan, saya bersetuju, tetapi soal untuk mengeluarkan QT ataupun hakmilik ini, sudah pastilah akan memakan masa yang lama. Ini suatu hakikat memang seolah-olah amalan bagi semua Pejabat-pejabat Tanah ambil masa bertahun-tahun untuk mengeluarkan sekeping surat hakmilik. Amalan biasa sebagai ini kerana dari pengalaman saya yang bekerja di Pejabat Tanah dahulu menunjukkan amalan ini masih berlaku. Jadi, macam manakah seorang pemaju perumahan itu akan dapat menjalankan projek yang diperolehinya itu dalam tempoh yang

singkat bagi mencapai matlamat 80,000 unit rumah murah dalam masa satu tahun? Ini soal yang perlu diselesaikan. Selepas itu apabila rumah ini selesai, katalah dia dapat menyelesaikan, kemudian pembeli-pembeli pula terpaksa mendapat pinjaman bank atau pinjaman Kerajaan untuk membayar rumah itu. Ini satu masalah lagi. Jika sekiranya pemborong itu ada keupayaan kewangannya dia dapat duit, dia ada duit, dia laksanakan dahulu. Kemudian setelah pembeli-pembeli ini lambat mungkin hendak membeli disebabkan tidak adanya surat hakmilik dikeluarkan maka sudah pastilah pemaju itu tidak akan dapat untuk melaksanakan tugas ini sebagai seorang pemaju perumahan untuk mencapai matlamat Kerajaan ini.

Saya sedar bahawa peringkat perancangan memanglah baik, teratur, elok dipandang. Tetapi peringkat pelaksanaannya, ini perkara-perkara yang perlu dibereskan oleh Kementerian dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya tidak mahu Kerajaan-kerajaan Negeri selalu dipersalahkan, kerana memang kita tahu masalah ini masalah bersama negara. Jadi, penyelesaian ini perlu juga diselesaikan bersama.

Pada satu ketika dahulu, Jabatan Perumahan Negara pernah membina rumah kos rendah ini di negeri Kedah di kawasan Alor Setar di Pumpung nama tempat. Pernah RTM membuat siaran di dalam Televisyen dengan gambar-gambar ditunjukkan. Kami di negeri Kedah menamakan rumah yang dibina oleh JPN ini sebagai kandang kambing. Sehingga sekarang ini masih disebut sebagai perumahan kandang kambing tidak dapat diperbaiki, tidak dapat dipulihkan semula, disebabkan kegagalan entah siapa pun saya tidak tahulah, tetapi ini menunjukkan imej Jabatan Perumahan Negara yang gagal

untuk membentuk, membina, memperbaiki rumah-rumah ini supaya ianya dapat didiami oleh pemohon-pemohon yang berkehendakkan kepada rumah yang ada ini.

Jadi, saya berharap supaya Kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, JPN dapat melihat perkara ini dengan lebih serius supaya ianya jangan jadi bahan cacian, bahan ketawa oleh masyarakat apabila melihat keadaan kawasan perumahan dengan begitu tidak teratur, yang begitu menyakitkan mata kita memandang.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak memohon kepada Kerajaan, kepada Kementerian supaya dapat menimbang bentuk rumah-rumah murah yang lain daripada sekarang ini. Sekarang ini kita semua membuat, membina rumah-rumah murah berderet yang panjang-panjang didiami oleh para penghuni. Ini pun sebagai tempat kita berlindung dan berteduh, saya hendak menyebutkan di kawasan-kawasan pekan-pekan, bandar-bandar kecil yang masih banyak lagi tanah-tanah yang boleh diusahakan yang boleh dimajukan supaya rumah-rumah murah yang berbentuk sebuah-sebuah ini dapat dibina. Dalam masyarakat Malaysia ini tidak kira kaum, lebih gemar rumahnya itu ditambah, dipinda apabila keluarganya bertambah besar.

Keadaan sekarang ini walaupun rumah itu mempunyai tiga bilik tetapi apabila satu keluarga mempunyai 7 orang misalnya, apabila bapa mertua datang suami isteri di rumah, di manakah tempat suami isteri hendak tidur, di manakah tempat anak hendak baca buku? Ini soal mestilah difikirkan. Kalau sekiranya rumah-rumah ini boleh dibuat, contohnya di Peramu, Pahang di penempatan semula nelayan-nelayan di Kuala

Kedah, rumah murah yang berbentuk sebuah-sebuah ini telah pun dibuat, boleh dibuat, boleh dilaksanakan.

Kita mungkin akan melihat sebuah masyarakat slump areas, dengan izin, bagi kawasan-kawasan rumah murah yang dibina oleh Kerajaan ini dengan tambahan-tambahan yang perlu dibuat oleh mereka untuk memenuhi kehendak kehidupan mereka itu sendiri. Jadi, saya berharap memohon kepada Kerajaan supaya dapat mempertimbangkan supaya rumah jenis ini dapat dibina bagi kesesuaian kehidupan, sesuai dengan keadaan masyarakat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bagan.

4,45 pttg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, perkara yang saya suka bangkitkan adalah mengenai Kerajaan Tempatan. Di bawah Maksud Bekalan 14 Butiran 030000 muka surat 56.

Tuan Pengerusi, sejak pilihanraya Kerajaan Tempatan dimansuhkan dan ahli-ahli Majlis Perbandaran dilantik dan tidak lagi dipilih oleh orang ramai, perkhidmatan-perkhidmatan seperti mengangkut sampah, kerja pembaikan jalan-jalan dan membersihkan parit-parit yang dijalankan oleh Majlis Tempatan terutama sekali di Pulau Pinang telah menurun.

Tuan Pengerusi, sudah sampai peringkat Ahli Dewan Rakyat terpaksa untuk menjalankan kerja-kerja Ahli Majlis itu untuk menengok jalan-jalan yang berlubang tanpa dibaiki dan parit-parit yang bertakung dengan sampah sarap.

Tuan Pengerusi, mutu perkhidmatan ini akan terus menurun selagi ahli-ahli Majlis Perbandaran dipilih dan dilantik oleh Pihak

Berkuasa Negeri. Walaupun telah ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ianya telah gagal untuk memainkan peranan untuk mengekalkan satu pihak berkuasa yang moden yang berkemampuan dan mempunyai daya dengan menjalankan tugas-tugasnya sebagai Kerajaan di peringkat yang ketiga. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah gagal untuk memeriksa penyalahgunaan-penyalahgunaan Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Tempatan sehingga kebanyakan Majlis Perbandaran dan Tempatan telah menjadi satu, dengan izin, mini Kingdom kepada pegawai dan ahli-ahli Majlis Tempatan yang telah lama berkuasa di sana.

Majlis-majlis Tempatan di seluruh negara telah menjadi tapak pembuangan bagi Barisan Nasional digunakan untuk menempatkan ahli-ahli politik mereka yang kalah di pilihanraya. Perlantikan ahli-ahli Majlis Tempatan adalah menjadi sebagai sagu hati kepada ahli-ahli Komponen Barisan Nasional yang kalah dalam pilihanraya umum atau ahli-ahli yang tidak diberi kerusi untuk bertanding atau mereka yang tidak dapat ditempatkan di tempat-tempat lain.

Tuan Pengerusi, ahli-ahli Majlis Tempatan sedar bahawa mereka menikmati segala kemudahan-kemudahan semasa berkuasa dengan kerestuan Pihak Berkuasa Negeri dan juga sedar bahawa mereka tidak boleh ditolak oleh orang ramai walaupun mereka tidak berguna langsung atau tidak berkesan. Ahli-ahli Majlis Tempatan ini hanya berminat untuk berada di senarai-senarai buku tuan-tuan politik mereka supaya mereka dapat dilantik semula dan memegang jawatan dengan tidak payah berbuat apa-apa.

Tuan Pengerusi, kita dalam DAP sejak dari dahulu lagi telah menyuarakan untuk diadakan kembali

pilihanraya Majlis Tempatan dan ahli-ahli Majlis Tempatan hendaklah dipilih oleh orang ramai dari mereka yang sebahagian besar dari orang ramai yang mempunyai pengalaman dan bersemangat rakyat dan juga bertanggungjawab kepada pembayar-pembayar cukai tempatan. Jika ahli-ahli Majlis Tempatan ini dipilih oleh orang ramai, saya yakin mereka akan mengambil berat akan tempat-tempat yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dan memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai oleh Majlis Tempatan akan meningkat dan akan jadi lebih berkesan oleh kerana mereka akan disoal oleh pembayar-pembayar cukai tempatan melalui peti undi. Saya juga yakin bahawa peruntukan yang diberi akan dibelanjakan dengan lebih baik oleh ahli-ahli Majlis Tempatan yang dipilih.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada faedah dan manfaat yang dapat diberikan kepada orang ramai dan untuk menghentikan kereputan di Kerajaan peringkat ketiga iaitu Majlis Tempatan di mana tuduhan-tuduhan menyalahgunakan kuasa dan rasuah di antara pegawai-pegawai berkenaan, saya menyeru Kerajaan supaya mengembalikan hak pengundi pilihanraya Majlis Tempatan kepada orang ramai supaya orang yang lebih tinggi integritinya dipilih untuk mentadbir dan mengambil bahagian dan bukan orang-orang politik yang telah kalah dalam pilihanraya umum untuk mengendalikan majlis-majlis Tempatan seperti apa yang berlaku sekarang.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, saya suka bangkitkan adalah mengenai perumahan, Maksud Bekalan dan Pembangunan 14, Butiran 10000 dan 020000 dan 01500, muka surat 55, 56 dan 57 berkenaan Perumahan.

Tuan Pengerusi, Menteri Kewangan semasa membuat ucapan beliau tentang Belanjawan tahun 1987, pada 24hb Oktober tahun ini telah menyatakan bahawa Kerajaan telah memberi keutamaan terhadap Program Perumahan Kos Rendah dan telah menggariskan satu matlamat untuk membina 80,000 unit rumah-rumah kos rendah setahun bagi tahun 1986 ke tahun 1988 dengan memperuntukkan sejumlah \$2,000 juta setahun yang akan dibiayai oleh sistem bank. Beliau selanjutnya menambahkan bahawa memandangkan kepada skim-skim ini pihak Kerajaan akan mengurangkan peruntukan bagi perumahan kos rendah.

Tuan Pengerusi, bagi tahun ini, tahun 1987 Kerajaan hanya mempemntukkan sebanyak \$97,980,000 bagi Anggaran Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan 14, Butiran 01500 supaya dapat membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan di beberapa peringkat pelaksanaan. Ini bermakna bahawa bagi tahun 1987 pihak Kerajaan tidak akan menjalankan projek-projek perumahan kos rendah yang baru.

Dari apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, seolah-olah Kerajaan sedang mencuba untuk mengeneipkan tanggungjawab untuk menyediakan unit-unit rumah kos rendah kepada orang ramai dan meninggalkan tanggungjawab ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor swasta. Walaupun dengan melaksanakan program khas bagi membina 80,000 unit perumahan kos rendah setahun bagi 3 tahun yang akan datang, tidak ada sebab mengapa Kerajaan patut mengurangkan perbelanjaan pembinaan bagi perumahan.

Tuan Pengerusi, perumahan telah disebutkan sebagai keperluan asas sosial di dalam Rancangan Malaysia Kelima, menyediakan perumahan dengan secukupnya, terutama sekali kepada mereka yang berpendapatan rendah adalah objektif yang terutama strategi pembangunan perumahan Kerajaan dan oleh yang demikian perlakuan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah bertentangan dengan maksud Rancangan Malaysia Kelima. Pihak Kerajaan Pusat sepatutnya tidak mengambil program khas ini sebagai alasan untuk mengeneppikan tanggungjawab untuk menyediakan rumah-rumah kepada orang-orang miskin dan benar-benar memerlukan, dengan berbuat demikian pihak Kerajaan patut dikutuk.

Perumahan telah disebutkan sebagai keperluan asas sosial, tetapi pihak Kerajaan di sebalik menambahkan peruntukan bagi mencapai maklumat ini sebaliknya rasa perlu mengurangkan peruntukan pembangunan, perumahan kos rendah dengan hebatnya di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan hanya peruntukan sejumlah \$98 juta yang tidak menyenangkan ini untuk tahun 1987 bagi melaksanakan pembinaan unit-unit perumahan kos rendah.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang ini bukan sahaja tidak bertanggungjawab untuk membina unit-unit perumahan kos rendah, tetapi ianya juga telah mengeneppikan tanggungjawab untuk memberi peruntukan rumah kepada golongan yang miskin. Pihak Kementerian ini sebenarnya telah mengurangkan kerja-kerjanya dengan hanya memberi nasihat dan Menteri dan Timbalan Menterinya hanya membuat kenyataan dengan tidak mempunyai perancangan dan tindakan yang kukuh bagi menyelesaikan masalah perumahan kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi.

Tuan Teoh Teik Huat: Satu minit sahaja.

Dari apa yang kita dapat lihat dari kekurangan pencapaian matlamat perumahan di dalam Rancangan Malaysia Keempat, kekurangan perumahan kos rendah yang besar di negeri ini adalah nyata sekati. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah gagal dalam tanggungjawab dan objektifnya untuk menyediakan keperluan perumahan kepada rakyat, terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Jika ada yang harus dikurangkan dalam pemberian peruntukan yang sepatutnya tidaklah dari peruntukan pembangunan, tetapi adalah munasabah jika ianya dari perbelanjaan pentadbiran pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kenapakah orang ramai yang harus membayar untuk menanggung seorang Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri termasuk 785 kakitangan jika Kementerian tersebut tidak memenuhi apa-apa maksud dan tujuan. Jumlah \$36,651,300 untuk menanggung perbelanjaan pentadbiran Kementerian ini di bawah Maksud Bekalan 14 adalah lebih bermakna jika dibelanjakan untuk membina lebih unit-unit rumah kos rendah. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.56 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 57, Maksud P.14, Butiran 01500.

Saya tidak mengambil masa begitu panjang oleh kerana rakan-rakan saya daripada Kota Setar dan Pendang

telah pun menyentuh perkara ini. Tetapi hanya saya ingin meminta daripada pihak Kerajaan sebab apa peruntukan yang telah disediakan untuk tahun 1987 ini begitu kurang jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah disediakan untuk tahun 1986. Jika kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya peruntukan yang telah disediakan untuk tahun 1986 sampai 1990 ialah \$553 juta dan dianggarkan untuk tahun 1986 \$242 juta, tetapi saya tidak tahu bagaimana anggaran ini telah pun dibelanjakan untuk tahun 1986.

Saya dapat tahu pinjaman yang telah diberi dari segi perumahan dalam tahun 1986 tidak begitu besar seperti yang telah dianggarkan, apabila kita kaji \$97-\$98 juta telah diperuntukkan untuk tahun 1987 ini, kalau sebuah rumah yang berharga \$25,000 kita dapat membina hanya lebih kurang 4,000 rumah sahaja di dalam tahun 1987 ini. Inikah hasrat yang ditunjukkan oleh Menteri Kewangan di dalam ucapannya di mana hasratnya telah pun dijelaskan dengan 82,000 rumah tiap-tiap tahun daripada tahun 1986 hingga ke 1988 ini.

Saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk menyediakan lebih pinjaman kepada sektor perumahan ini, oleh kerana pinjaman walaupun telah dikatakan oleh Menteri Kewangan akan disediakan sebanyak lebih kurang \$2,000 juta kepada pihak swasta untuk mendirikan rumah-rumah, dengan pengalaman yang kita lihat dalam tahun 1986, pinjaman daripada pihak swasta ataupun bank-bank swasta ini bukan begitu mudah untuk diperolehi. Oleh itu, saya rasa dan saya merayu kepada pihak Kerajaan untuk menyediakan lebih pinjaman kepada skim perumahan, oleh kerana kita dapat tahu dengan melalui sistem Kerajaan dan melalui hubungan yang Kerajaan telah perolehi, saya rasa pinjaman boleh

disediakan adalah lebih mudah, untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah di dalam tahun 1987.

Saya ingin juga menyentuh sedikit di atas pemberian rumah-rumah kos rendah kepada orang-orang yang layak. Sebagai seorang yang telah berkhidmat dalam Ahli Jawatankuasa Pemberian Rumah-rumah di dalam peringkat daerah ini, saya boleh kata ada dua segi atau dua sektor penduduk-penduduk yang tidak dapat rumah-rumah kos rendah apabila sampai ke peringkat pemberian ini. 2 sektor ini ialah daripada sektor ladang-ladang dan juga daripada sektor kawasan setinggan. Oleh kerana Ahli-ahli Jawatankuasa rumah-rumah ini menyatakan pihak dari ladang-ladang tidak layak untuk menerima rumah-rumah kos rendah, oleh kerana mereka telah pun diberi rumah di dalam ladang-ladang tersebut. Tetapi apakah sebenar keadaannya apabila mereka sampai kepada umur 55 tahun terpaksa keluar dari ladang-ladangnya dan mereka sampai kepada satu taraf di mana mereka akan mendiami dalam kawasan-kawasan setinggan itu.

Penduduk-penduduk di kawasan setinggan itu bertambah lagi dan bebanan Kerajaan juga bertambah. Oleh kerana itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan untuk mengarahkan pihak-pihak Kerajaan Negeri dan juga pihak-pihak daripada peringkat daerah ini untuk memberikan perhatian lebih kepada penduduk di dalam ladang-ladang ini, oteh kerana merekalah yang sebenar-benarnya tidak ada apa-apa kemudahan, bahkan rumah-rumah yang harus diberi kepada rakyat jelata yang ada di dalam negara kita.

Di kawasan-kawasan setinggan apabila sampai ke peringkat untuk memberikan rumah-rumah, pihak Ahli Jawatankuasa menyatakan kawasan-kawasan setinggan akan

dipindahkan kepada kawasan-kawasan tentu sekaligus, bukan adakan satu tajuk untuk memberikan rumah-rumah kos murah kepada yang layak di dalam kawasan setinggan itu. Ini saya rasa tidak begitu adil oleh kerana penduduk-penduduk di kawasan-kawasan setinggan ini hanya dengan pendapatan begitu rendah harus diberikan perhatian yang lebih. Oleh itu, saya ingin memohon dan merayu kepada pihak Kerajaan untuk memberi lebih perhatian di atas pemberian rumah-rumah kepada pihak penduduk daripada kawasan perladangan dan juga kawasan setinggan di dalam negara kita. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

5.02 *ptg.*

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Pengerusi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan P.14, Butiran 01500, muka surat 57.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana sedang berusaha untuk menentukan agar lebih ramai lagi rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah mendapat rumah. Dan di dalam rancangan ini Kerajaan telah mengumumkan untuk mendirikan sekurang-kurangnya 80,000 unit rumah setahun. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya meragui sama ada rancangan yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini akan dapat dilaksanakan ataupun tidak. Ini kerana sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pendang sebentar tadi red tape yang terdapat di peringkat negeri dan juga Majlis-majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh apabila sesuatu pemaju itu memajukan permohonan layout plan dan juga building-building plan dan sebagainya kepada pihak Perancang Bandar tetapi apabila pihak Perancang Bandar merujuk pula pelan-pelan tersebut kepada pihak Majlis Tempatan selalunya Majlis Tempatan mempunyai pandangan-pandangannya tersendiri, maka pelan-pelan yang telah dipersetujui oleh pihak Perancang Bandar itu diubahsuai oleh pihak Kerajaan Tempatan. Dan apabila ini berlaku, maka proses untuk meluluskan sesuatu permohonan mendapatkan kelulusan layout dan building plan, adalah memakan masa yang lama malah kadang-kadang terdapat pemaju terpaksa menunggu bukan berbulan bahkan bertahun lamanya untuk mendapatkan sesuatu kelulusan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Inilah kemusykilan yang timbul yang harus saya rasa diatasi secepat mungkin jika sekiranya rancangan 80,000 unit rumah ini hendak didirikan.

Saya masih teringat satu cadangan telah dikemukakan oleh Kerajaan untuk mewujudkan satu agensi yang diberi nama One Stop Agency dengan tujuan supaya One Stop Agency ini mempunyai fungsi yang cukup untuk meluluskan segala permohonan-permohonan yang dimajukan oleh pihak pemaju dalam masa dua ataupun tiga bulan sahaja tetapi nampaknya cadangan ini hanya tinggal cadangan sahaja.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di dalam masalah perumahan ini ialah delima yang dihadapi oleh dua pihak, pertamanya mereka yang berpendapatan gaji sebulan \$350. Kerana mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kepada mereka yang berminat untuk mendapatkan rumah murah ataupun rumah awam kos rendah ini

ialah mereka mampu membayar balik pinjaman yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan tetapi cubalah kita bayangkan kalau sekiranya seseorang peminjam itu mendapat gaji \$350 sebulan dengan mempunyai tanggungan yang banyak bagaimanakah hendak membayar balik di antara \$100 ke \$120 sebulan sedangkan bebannya begitu besar.

Begitu juga kepada mereka yang bergaji \$1,000 ke \$1,200 sebulan. Kerana syarat-syarat yang dikenakan untuk kelayakan membeli rumah-rumah murah ini ialah mereka yang berpendapatan tidak lebih \$750 sebulan. Jika sekiranya seseorang itu mendapat gaji \$1,000 ke \$1,200 sebulan maka secara automatik mereka ini tidak layak membeli rumah-rumah kos rendah ini, mereka terpaksa membeli rumah yang agak sederhana ataupun tinggi harganya. Dengan gaji \$1,000 ke \$1,200 sebulan bagaimanakah si peminjam itu hendak membayar balik pinjaman kepada bank dan sebagainya. Jadi, dilemma ini dihadapi oleh dua golongan, pertamanya mereka yang berpendapatan \$350 sebulan dan mereka yang berpendapatan di antara \$1,000 ke 1,200 sebulan. Saya ingin mencadangkan di sini supaya satu tabung khas dapat diwujudkan oleh Kerajaan seperti EPF sebagai contoh.

Sekarang ini sebagaimana kita sedia maklum bahawa pekerja-pekerja dipotong gajinya tiap-tiap bulan sama ada dipotong dari gajinya sendiri dan juga dipotong oleh syarikat dan sebagainya untuk dimasukkan dalam tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF). Saya rasa adalah lebih elok sekiranya kita dapat mewujudkan tabung khas perumahan ini di mana tiap-tiap dua ataupun tiga peratus daripada pendapatan bulanan itu dipotong dan dimasukkan di dalam tabung khas perumahan ini. Dengan

wujudnya tabung ini kelak maka ianya akan dapat menentukan agar semua rakyat di negara ini akan mendapat rumah khasnya mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang ingin saya sebutkan di sini ialah bank-bank tempatan ataupun institusi-institusi kewangan. Walaupun, Kerajaan telah berkali-kali meminta supaya pihak bank memberikan pinjaman bukan sahaja kepada bakal-bakal pembeli bahkan juga kepada pemaju-pemaju perumahan. Tetapi menjadi satu fobia iaitu kebanyakan bank-bank ini mereka hanya memberi pinjaman kepada sesuatu kawasan yang tertentu. Saya telah diberitahu bahawa banyak permohonan sepertimana yang baru-baru ini berlaku di Negeri Sembilan walaupun Kerajaan Negeri telah pun meluluskan projek-projek perumahan di bawah skim khas ini tetapi masih terdapat lagi pihak bank enggan memberi pinjaman kepada pemaju-pemaju yang berkenaan. Jadi, inilah salah satu masalah yang saya rasa harus juga diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju sendiri. Sekarang ini ada satu syarat yang dikenakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu tiap-tiap pemaju apabila hendak memohon untuk mendapat lesen dan advertising permit ataupun permit iklan daripada Kementerian yang berkenaan, mereka dikenakan wang cagaran ataupun wang saguhati sebanyak \$250,000. Jadi, ini amat menyulitkan pemaju-pemaju. Saya ingin mencadangkan di sini agar pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengkaji semula wang cagaran yang saya dimaksudkan tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah cara pemberian rumah-rumah. Terdapat sekarang ini penyelewengan-penyelewengan masih lagi berlaku, maka timbullah masalah "football money", dan sebagainya. Kadang-kadang terdapat orang-orang yang telah mempunyai rumah-rumah kos rendah ini diberi lagi rumah-rumah peluang kepada mereka untuk menambahkan rumah-rumah mereka.

Ini berlaku kerana tidak ada satu sistem yang wujud untuk menentukan supaya penyelewengan-penyelewengan ini tidak bertaku maka saya ingin mencadangkan di sini supaya satu sistem komputer dapat diwujudkan di Kementerian itu di mana semua bakal pembeli didaftarkan dan dari situ kita dapat melihat siapa yang telah diberi rumah tidak lagi akan diberi rumah murah dan sebagainya.

Jadi inilah pandangan-pandangan yang hendak saya berikan tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.02 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian membahaskan Kertas Perintah 41—P.14, muka surat 57, Butiran 01500 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun dibincangkan dan disuarakan oleh rakan-rakan dahulu daripada saya dan saya tidak hendak mengambil masa panjang. Tetapi hanya saya mengharapkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

agar bentuk rumah dan juga keadaan rumah yang ada sekarang ini dapat diawasi kerana sekarang banyak kita dengar dari penghuni-penghuni rumah ini yang baru duduk selama sebulan, dua bulan, rumah-rumah mereka ini telah retak, pecah dan seterusnya. Oleh itu saya mengharapkan supaya di masa yang akan datang, setiap pemborong-pemborong ataupun kontraktor-kontraktor ini diawasi. Kadangkala mereka ini hendak mendapatkan wang yang begitu segera dan lebih dengan menggunakan bahan-bahan binaan yang tidak baik untuk mendapatkan untung yang lebih. Dengan keadaan ini, pembeli-pembeli rumah murah akan mengalami kesusahan, kerugian dan seterusnya.

Saya mengesyorkan supaya kontraktor-kontraktor ini janganlah pihak Kementerian mengharapkan tender yang begitu murah sahaja, kerana dengan adanya tender yang murah inilah mereka itu membuat kerja-kerja yang seumpama itu yang saya katakan tadi.

Soal yang lain yang kita dapat rungutan juga daripada pembeli-pembei rumah ini iaitu selalu kita lihat projek-projek ini telah pun siap sedia begitu lama. Kadangkala bertahun-tahun telah siap sehinggalah lalang, rumput telah naik menjalar di kawasan-kawasan rumah itu tetapi rumah itu belum juga diberi lagi kepada penduduk-penduduk tempatan yang meminta. Ini selalu kita lihat dan dengar. Apa yang kita dapat tahu, ini adalah disebabkan dengan tidak ada kerjasama di antara Lembaga Letrik Negara umpamanya dan Jabatan Kerja Air dan sebagainya.

Jawapan daripada pihak-pihak yang berkenaan ialah air belum masuk, api belum masuk, belum dapat lagi. Apa salahnya sebelum rancangan-rancangan ini diadakan supaya dapat dikumpulkan pihak-pihak yang

berkenaan umpamanya Jabatan Parit dan Taliair, JKR, LLN dan seterusnya dapat bersama-sama dikumpulkan supaya setelah siap sedia kemudahan ini, barulah projek ini patut dijalankan supaya bila sampai masanya tempoh siap iaitu 18 bulan atau 24 bulan, rumah ini pun siap serentak agar tidak kita melthak keadaan ini tertunggu-tunggu oleh penduduk-penduduk tempatan, yang berkehendakkan, yang laparkan rumah.

Satu lagi masalah ialah mengenai banyaknya aduan-aduan berhubung dengan rumah-rumah kos rendah ini didirikan di kawasan kampung-kampung, kampung-kampung baru dan seterusnya. Ada juga terdapat rungutan dari penduduk-penduduk yang asal duduk di situ yang tidak dapat rumah. Mereka ini yang telah beranak-pinak, bercucu dan seterusnya dan dengan keadaan tanah yang tidak mencukupi, mereka meminta, memohon rumah-rumah murah ini, tetapi pihak Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan tidak memberi keutamaan kepada mereka ini.

Oleh itu dalam masalah ini, saya mengharapkan supaya di masa yang akan datang keutamaan diberi kepada penduduk-penduduk yang berkenaan yang benar-benar berkehendakkan rumah, tidak sebagaimana masa ini yang mana orang-orang yang tinggal jauh daripada kawasan itu mendapat peruntukan rumah murah yang saya sebutkan tadi.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Maksud P.14, muka surat 59, Butiran 06800 Rancangan Tempatan Banjir, Kuala Lumpur—saya daripada Kuala Lumpur.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, hujan sahaja sedikit, banjir akan

melimpah-limpah. Jalan akan tenggelam. Tempat-tempat yang tidak kena mengenai umpamanya kena banjir, kena banjir sekarang. Di atas bukit pun ada banjir. Sebabnya ialah tidak ada sistem perparitan yang begitu baik. Oleh itu kita mengharapkan supaya pihak yang berkenaan yang hanya diberi peruntukan sebanyak \$9 juta sahaja untuk tahun hadapan akan dapat menyempurnakan tugas ini, kerana kita tahu keadaan ekonomi kita yang merosot, tetapi walau bagaimanapun saya menganggap bahawa banjir-banjir yang berlaku di Kuala Lumpur ini bukanlah disebabkan sungai tidak ada, tetapi adalah disebabkan projek-projek perumahan yang begitu pesat dijalankan, yang dilakukan.

Satu perkara lagi ialah tidak ada koordinasi ataupun kerjasama antara pemaju-pemaju projek perumahan ini dengan pihak-pihak yang berkenaan. Kadangkala pihak pemaju perumahan ini membuat hanya parit-parit di kawasan projek perumahan mereka sahaja, dan selepas itu tertinggal begitu yang mana air itu akan melimpah-limpah, Bila air itu melimpah ianya akan melimpah pergi ke kampung-kampung menjahanamkan tanam-tanaman, ternakan dan sebagainya. Bila membuat aduan, mereka tidak peduli langsung dalam soal ini. Ini juga saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan supaya diadakan satu undang-undang supaya pemaju perumahan ini apabila mereka hendak mengadakan projek perumahan, mestilah mereka itu menyediakan terlebih dahulu longkang-longkang besar di mana air hendak mengalir, tidak sebagaimana sekarang ini.

Di samping itu saya mengharapkan agar Kerajaan ataupun Dewan Bandaraya membelanjakan duit ini bukan untuk membesarkan longkang tetapi untuk menggalinya tiap-tiap kali hujan untuk membuang pasir-pasir

yang datang daripada kawasan projek-projek perumahan yang lain. Wang-wang ini habis di situ sahaja, tahun hadapan buat lagi, sedangkan sungai-sungai tidak begitu besar, longkang-longkang pun tidak diperbaiki, hanya korek punya korek, itu sahaja yang dijalankan. Oleh itu dalam masalah ini kita berkehendakkan supaya Kuala Lumpur ini tidak tenggelam selalu sangat, supaya keadaan ini dapat dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan, lebih-lebih lagi supaya pemaju-pemaju projek perumahan yang saya katakan tadi bertanggungjawab. Dalam masalah ini umpamanya, saya hendak sebutkan satu contoh iaitu di Kampung Sungai Penchala, duduknya di atas bukit, kalau tuan-tuan ingat, tidak pernah kena banjir, tetapi oleh kerana ada projek perumahan UDA-Sea Park di kawasan itu, bila hari hujan, empat kaki naik air di kawasan tersebut. Bila kita buat pertanyaan kepada pihak UDA, mereka ini mendiamkan di sahaja sedangkan penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, yang berpendapatan kurang di kawasan tersebut mengalami kesusahan, kesulitan, kematian ternakan dan pokok-pokok dan seterusnya. Ini disebabkan tidak adanya undang-undang terhadap pemaju-pemaju perumahan ini yang menyebabkan Kuala Lumpur selalu terkena banjir.

Sekarang saya beralih kepada sebab-sebab hendak mengambil. . . .

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Pengerusi, ini berhubung dengan Kuala Lumpur juga. Maksud B.16, muka surat 63, Butiran 030000, berhubung dengan Operasi Melawan atau Pencegahan Kebakaran, Ini juga berlaku di Kuala Lumpur yang begitu sangat berlaku, Tuan Pengerusi. Ini juga kita

mengharapkan kepada pihak Bomba dan juga pihak-pihak yang berkenaan supaya awal-awal lagi mencari tempat-tempat paip bomba yang disediakan. Itulah sebab-sebabnya selalu kebakaran berlaku, pihak-pihak Bomba tidak dapat tahu, tidak dapat mencari di manakah paip bomba itu hendak diambil air, kerana itulah sebab-sebabnya kebakaran merebak berlaku.

Di samping itu juga kita lihat keadaan sekarang ini di kawasan-kawasan bangunan-bangunan yang lama, tidak ada alat bekalan untuk melawan kebakaran yang disediakan. Itu sebabnya kegagalan pencegahan selalu berlaku dan begitu juga apabila kebakaran berlaku di kawasan setingan tidak ada disediakan paip-paip bomba. Oleh itu, saya mengharapkan supaya perkara ini tidak berlaku selalu dan Kerajaan tidak susah dan rakyat juga tidak susah, pihak Kerajaan atau pihak Dewan Bandaraya atau pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat menyediakan perkara-perkara yang seumpama ini. Oleh itu, sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh.

5.22 *ptg.*

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada muka surat 55, Maksud B.14, Butiran 010000 dan program 0104000—Urusetia Perundangan.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1965, bulan Mac, pilihanraya untuk Kerajaan Tempatan telah dibatalkan dan digantung sementara sebenarnya oleh, waktu itu Perdana Menteri pertama kita, YTM Tunku Abdul Rahman Putra dan sewaktu itu negara diberitahu bahawa pilihanraya Kerajaan Tempatan akan dipulihkan

selepas konfrontasi Indonesia tetapi konfrontasi Indonesia pun sudah tamat lebih 20 tahun, tetapi pemimpin-pemimpin kita sekarang tidak mengotai janji yang dibuat oleh Perdana Menteri pertama kita iaitu Bapak Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah apa?

Tuan P. Patto: Urusetia Perundangan, oleh kerana dalam Program dan Prestasi, merekalah bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang.

Tuan Pengerusi: Ahli 'Yang Berhormat, muka surat berapa?

Tuan P. Patto: Muka surat 55 dan dalam Program dan Prestasi di muka surat 163.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan P. Patto: Dan selepas itu satu Suruhanjaya Siasatan Diraja dilantik di bawah Pengerusi mendiang Dato' Athi Nahappan untuk menyiasat dan membuat syor-syor tentang Kerajaan Tempatan. Salah satu daripada syor-syor yang dibuat dalam Laporan 1965 itu ialah pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah diadakan, tetapi syor laporan itu juga telah diketepikan dan pada akhirnya laporan itu dimasukkan ke dalam peti ais, dengan izin, cold storage.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya ingat Ahli Yang Berhormat bercakap itu keluar daripada perkara yang patut dicakapkan dalam peringkat Jawatankuasa. Kalau kita baca Peraturan Mesyuarat 66 (12) itu berbunyi: Perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu. Yang hendak diuntukkan wang itu, jadi jikalau sekiranya kita bercakap berkenaan dengan cadangan hendak

mengadakan satu pilihanraya untuk Majlis Tempatan, tidak ada peruntukan itu. Jadi itu terkeluar daripada mauduk yang dikehendaki kita berbahas sekarang.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya rasa oleh kerana saya berasaskan kepada Aktiviti Urusetia Perundangan di mana juga ada menyebutkan tentang khidmat perundangan kepada Kementerian Perumahan.

Tuan Pengerusi: Saya faham Aktiviti Urusetia itu dihadkan duit dia itu untuk sekian-sekian banyak untuk apa yang ditentukan. Jadi kita boleh bercakap di atas dasar wang-wang yang telah diperuntukkan itu, di atas benda-benda yang diperuntukkan itu, bukan di atas benda-benda yang tidak diperuntukkan.

Tuan P. Patto: Cuma apa yang saya berikan tadi itu mukaddimah (*Ketawa*). Sebenarnya, apa yang saya ingin mencadangkan di sini ialah Bahagian Urusetia Perundangan itu hendaklah menggubal undang-undang supaya pilihanraya Kerajaan Tempatan diadakan.

Tuan Pengerusi: Itu yang tak boleh.

Tuan P. Patto: Untuk menepati janji yang dibuat oleh Bapak Malaysia.

Tuan Pengerusi: Itu tak boleh, dengan kerana terkeluar daripada tajuk.

Tuan P. Patto: Itu mukaddimah, jadi sekarang saya minta Urusetia membuat kerja ini di bawah Emolumen, ada gajinya.

Tuan Pengerusi: Baiklah, jangan keluar daripada apa yang dikehendaki itu.

Tuan P. Patto: Ya, saya sudah habis tentang pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran 020000 iaitu muka surat 55, Maksud B.14—Perumahan. Tuan Pengerusi, di sini ada Emolumen, Kod 1000 dan juga saya sentuh sekali program 020100 Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1982, pihak Kerajaan termasuk pihak Kementerian ada membuat janji tentang pengeluaran hakmitik strata bagi penghuni yang menduduki Rumah Pangsa Waller Court, Ipoh tetapi sehingga hari ini saya tidak tahu mengapa janji-janji itu belum ditunaikan. Sama ada Bahagian ini tidak mengambil kira janji itu ataupun pihak khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membuat jaminan dan janji itu tidak menyalurkan janji itu kepada Bahagian tertentu ini supaya ianya terus menjalankan kerjanya, supaya hakmilik strata dikeluarkan bagi mereka yang menduduki rumah-rumah pangsa satu bilik dan dua bilik di Waller Court, Ipoh dan juga saya minta supaya Bahagian ini mencari jalan untuk menjual Rumah-rumah Pangsa di Sungai Pari Towers dan Kinta Heights, Ipoh kepada penghuninya yang sudah lama menuntut kepada Kerajaan supaya ia dijual kepada mereka.

Saya juga merujuk kepada Butiran 020000, Kod 1000, Maksud B.14 dan P.14 di muka surat 57. Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan sendiri telah mengakui bahawa ramai daripada mereka yang memerlukan rumah adalah daripada golongan yang berpendapatan rendah dan daripada angka-angka yang diberi dalam Buku Program dan Prestasi, muka surat 164 iaitu Aktiviti Perancangan dan Pembangunan dan juga Aktiviti Penyelarasan dan Pelaksanaan. Saya merujuk kepada pembangunan. Kita dapati bahawa angka yang diberi oleh pihak Kementerian untuk negeri Perak amat mengejutkan.

Di dalam Prestasi Aktiviti bagi tahun 1985, bilangan unit rumah kos rendah yang telah disiapkan adalah cuma 420 unit dan pada tahun 1986, 692 unit dan pada tahun 1987 dianggarkan ataupun dijangkakan siap adalah 3,715 unit. Saya bimbang oleh kerana daripada prestasi bagi negeri Perak pada tahun 1985 hanya 420 unit, tahun 1986 ialah 692 unit, bagaimanakah 3,715 unit ini dapat siap dibina dalam tahun 1987?

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menunggu untuk menjawab boleh memberikan penjelasan oleh kerana prestasi negeri Perak sangat, dengan izin, disgraceful, setakat ini mengikut angka-angka yang diberi itu.

Demikian juga saya rujuk kepada muka surat 164, Program dan Prestasi di mana disebutkan bahawa bilangan unit rumah awam mengikut negeri iaitu rumah awam kos rendah dan sederhana yang akan dibina bagi negeri Perak dalam tahun 1987 ialah 8,467 dan dalam tahun 1986 agak saya sudah siap dibina 9,108 dan tahun 1985 8,897 unit. Mengikut angka-angka ini tidak sesiapa pun boleh mendapat tahu sama ada angka-angka ini menunjukkan keperluan perumahan negara. Dan oleh yang demikian, saya menyarankan supaya Kementerian ini membuat satu kajian kebangsaan untuk menentukan keperluan perumahan sebenarnya bagi seluruh negara supaya ia dapat merumuskan rancangan-rancangan mengikut keperluan dan bukan membuat cadangan-cadangan secara *ad hoc* sahaja, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Pada Butiran 020000 juga saya merujuk kepada program. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan P. Patto: Seminit.

Tuan Pengerusi: Ya, seminit boleh-

Tuan P. Patto: Saya meminta supaya dalam penyelidikan bagi rumah-rumah awam kos rendah, saya harap pihak Kementerian boleh, dengan izin, depart daripada rekabentuk rumah murah yang sedia ada dan cuba untuk membuat penyelidikan dalam bidang untuk membina rumah murah yang boleh dijual dengan harga yang kurang daripada \$25,000. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.31 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak merujuk kepada muka surat 56, B.14, Butiran 030000 dan saya bersetuju dengan rakan saya dari Bagan bahawa kita memerlukan satu Kerajaan Tempatan yang bersih, cekap dan amanah yang hanya boleh dicapai dengan pilihanraya secara langsung kerana. . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya kata tadi tak boleh bercakap macam itu. Yang itu terkeluar daripada maudho.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi hanya bersetuju dengan rakan saya.

Tuan Pengerusi: Ya, bersetuju tak bersetuju pun tak boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Saya juga bersetuju dengan kenyataan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa saiz Majlis Bandaran dikurangkan untuk menjimatkan wang, tetapi setakat ini saya belum lihat apa-apakah rancangan yang dikendalikan dan saya

hendak bertanya pihak Kementerian yang berkenaan, apakah kedudukan sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 41, muka surat 55, Maksud Bekalan B.14, Butiran 020000. Saya ingin menyarankan kepada Kerajaan agar tidak menumpukan perhatian kepada menyelesaikan masalah pemaju-pemaju perumahan sahaja dan mengabaikan masalah-masalah pembeli-pembeli rumah terutamanya bagi pembeli-pembeli rumah kos rendah. Ini tidak bermakna bahawa DAP tidak mengalu-alukan insentif atau langkah-langkah yang diambil oleh pemaju-pemaju tersebut khasnya untuk mempercepatkan pelaksanaan program rumah-rumah kos rendah. Tetapi saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan memulakan langkah-langkah untuk membela nasib pembeli rumah-rumah dalam projek yang terbengkalai kerana kekurangan masalah kewangan. Masalah ini amatlah sulit kepada pembeli-pembeli kerana, bukan sahaja rumah yang dibeli itu hanya separuh siap, tetapi kehilangan bayaran ansuran kepada pemaju-pemaju.

Biasanya untuk membiayai bayaran ansuran kepada pemaju-pemaju berdasarkan peringkat siapnya pembinaan rumah dan pembeli-pembeli membuat pinjaman dari bank. Oleh itu saya hendak mencadangkan bahawa beberapa langkah untuk memelihara kepentingan pembeli-pembeli rumah yang dihadapi masalah projek rumah yang terbengkalai atas alasan kekurangan kewangan pemaju-pemaju projek itu. Bahawa wang cagaran pemaju-pemaju sebanyak \$250,000 bagi projek-projek terbengkalai ditarik balik atau, dengan izin, forfeited agar dapat dibahagikan kepada pembeli-pembeli rumah sebagai satu jenis pampasan atau dengan izin, compensation.

Kedua, wang cagaran pemaju-pemaju dinaikkan kepada 30% kos projek itu dengan minima \$250,000 dan maksima \$2 juta.

Ketiga, bahawa pemaju-pemaju adalah diwajibkan bertanggungjawab atas pinjaman bank pembeli rumahnya sekiranya tidak dapat menghabiskan projek tersebut dan bank-bank yang meminjamkan wang kepada pembeli-pembeli dikehendaki menyaman pemaju-pemaju tersebut terdahulu. Saya mencadangkan langkah-langkah tersebut kerana alasan yang berikut.

Kalau projek yang terbengkalai itu tidak diteruskan, pembeli-pembeli pula akan dipaksa oleh bank membayar balik wang pinjaman mereka tanpa rumah yang dijanjikan itu. Kalau sebegini adalah amat tidak adil kerana pembeli-pembeli hanya lebih mengambil langkah menyaman pemaju-pemaju yang berkenaan sahaja. Langkah ini tidak memuaskan kerana pada setakat ini biasanya pemaju sudah hilang atau tidak dapat dicah dan kalau ada pula sudah pun bankrap atau hampir bankrap. Lagipun dengan dipaksa membayar balik wang pinjaman itu pembeli-pembeli mungkin menghadapi kesulitan yang rumit sehingga melaporkan diri sebagai bankrap.

Dua kes seperti yang saya sebutkan ini berlaku di Melaka iaitu Taman Bachang Baru, Batu 31/2, Batu Berendam yang dimajukan oleh Perniagaan Muda Bumi Sdn. Bhd. dan di Jalan Palembang, Bukit Baru, Melaka yang dimajukan oleh Fairview Park Sdn. Bhd. Pembeli-pembeli di Bukit Baru itu telah menandatangani perjanjian pinjaman membeli rumah pada tahun 1977 dan telah membayar 70% kos rumah itu, tetapi setakat ini rumah itu masih belum siap. Kini bank-bank yang mengeluarkan pinjaman kepada pembeli-pembeli mahu pinjaman itu dibayar balik.

Kedudukan begini pula berlaku kepada pembeli-pembeli Taman Bachang Baru.

Saya juga hendak menyentuh tentang pemilihan pemohon-pemohon rumah kos rendah yang berjaya. Proses sekarang adalah tidak memuaskan kerana pemohon-pemohon tidak tahu langsung akan kriteria, malahan keputusannya pula. Proses pemilihan perlulah mengikut suatu peraturan yang terbuka kepada orang awam dan keputusan itu patutlah diumumkan. Ini harus dibuat supaya pemohon-pemohon yang berjaya adalah terdiri dari golongan rakyat Malaysia yang miskin dan bukan sepertimana yang berlaku di Simpang Kerayong, Jasin iaitu kawasan pilihanraya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri di mana seorang pendatang haram Indonesia diperuntukkan sebuah rumah kos rendah, iaitu setakat pendatang-pendatang haram Indonesia adalah lebih berkelayakan memperolehi rumah kos rendah dari rakyat kita sendiri.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada muka surat 58, P.14, Butiran 04900. Dalam program ini saya mendapati bahawa belum dapat anggaran atau peruntukan untuk Rancangan Saluran Najis di Metaka Tengah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jika tidak ada, tak boleh bercakap.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya. . . .

Tuan Pengerusi: Tak boleh. Kalau tidak ada peruntukan, kita tidak boleh bercakap.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ada pinjaman. Pinjaman \$10.

Tuan Pengerusi: Itu token.

Tuan Lim Guan Eng: Token pun boleh capak.

Tuan Pengerusi: Tak boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi itu soal belanja.

Tuan Pengerusi: Belum belanja.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi peruntukan telah dibuat.

Tuan Pengerusi: Ini token, tak boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi lepas itu kalau Kerajaan hendak tambah, dia boleh tambah bukan? Sebagai supplementary. Token pun peruntukan.

Tuan Pengerusi: Saya telah putuskan tak boleh. Kepada yang lepas-lepas tak boleh, kerana itu bukan perbelanjaan, hanya token.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak merujuk balik lagi kepada P.14, muka surat 57, Butiran 01500-07. Terdapat di sini bahawa Kerajaan Negeri Melaka hanya membina siap 383 unit rumah kos rendah sahaja pada tahun 1986, berbanding dengan 1,107 unit yang dihabiskan dan saya hendak bertanya apakah sebab hanya 30% daripada rumah-rumah atau unit kos rendah yang dibina pada tahun 1985 dicapai. Kalau begitu adakah anggaran pada tahun 1987 bahawa 700 unit kos rendah akan dibina. Saya berharap bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan meneliti dan membuat tindakan yang sewajarnya supaya anggaran itu akan tercapai. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ledang, selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.40ptg,

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 57, Butiran 01500 dan jumlah Butiran

ialah sebanyak \$97.9 juta. Tajuk Butiran ialah mengenai Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk perkara ini kepada dua perkara. Yang pertama saya melihat Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah ini memenuhi dua matlamat. Yang pertamanya adalah untuk mewujudkan satu keadaan keadilan sosial dalam masyarakat kita. Saya berpendapat bahawa keadilan sosial adalah berdasarkan kepada keperluan asas yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat kita dan keperluan asas itu berbentuk makanan, kemudahan untuk mendapatkan pelajaran, kemudahan untuk mendapatkan kesihatan dan seterusnya kemudahan untuk tempat berteduh dalam bentuk rumah-rumah. Oleh yang demikian projek Perumahan Awam Kos Rendah ini membuat langkah yang menuju kepada satu keadaan yang lebih adil dalam masyarakat kita terutama sekali ianya adalah untuk memberi kemudahan kepada peringkat masyarakat bawahan dari segi keupayaan dan juga dari segi pendapatan untuk memiliki tempat berteduh. Jadi kita mengalu-alukan projek dan peruntukan yang diberikan ke arah ini.

Sambil itu pula, Tuan Pengerusi, rancangan melalui peruntukan ini adalah diharapkan untuk membawa kepada pertumbuhan ekonomi kita dengan adanya perbelanjaan sebanyak \$97 juta ini dan kita mengharapkan bahawa daripada peruntukan ini akan mewujudkan satu kesan yang berpanjangan terhadap industri-industri yang berkaitan dengan perumahan sama ada dari segi menyediakan bahan-bahan mentah dan bahan untuk perumahan ataupun dari segi peruntukan-peruntukan untuk kewangan dan seterusnya wujud satu putaran ekonomi dalam ekonomi kita ini dan melalui proses penggandaannya akan mewujudkan proses pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Pengerusi, saya ada satu kemusykilan di sini dan telah dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan ini di mana pihak Kerajaan telah menyebutkan tentang angka 2% dari segi kadar pertumbuhan hasil daripada projek perumahan kos rendah ini. Jadi, Tuan Pengerusi, rasa saya wajar juga saya menegur tentang perkara ini dan seterusnya menanya daripada manakah angka 2% itu dipetik, sama ada berdasarkan kepada kajian yang terperinci ataupun agak-agak sahaja. Agaknya lebih elok jika sekiranya 2% itu disebut bukan berdasarkan kepada kajian yang terperinci oleh pihak-pihak tertentu, memadailah dengan menyatakan bahawa projek ini mudah-mudahan membawa kepada arus pertumbuhan ekonomi kita dengan cara menyedarkan sektor pembinaan dan industri-industri yang berkaitan dengannya.

Minggu yang lalu saya juga ada mendengar pihak Timbalan Menteri menyebut angka 2% itu dan saya pada kali ini bangun untuk mendapatkan kepastian tentang angka tersebut. Jika tidak berdasarkan kepada sumber-sumber yang teratur dan sistematik untuk mendapatkan angka itu, maka wajarlah kita tinggalkan sahaja angka tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada muka surat 56, Maksud B.14, Butiran 030000, Program—Kerajaan Tempatan yang jumlahnya \$1 juta.

Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan anggaran untuk 1987 dengan anggaran 1986, perbezaannya begitu jauh sekali, daripada \$27.9 juta turun kepada \$1.1 juta. Ini membayangkan kepada kita tentang betapa sukarnya untuk memberikan peruntukan walaupun perkara itu amat diperlukan. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian oleh

kerana peruntukan itu jauh berbeza dan oleh kerana masalah Kerajaan Tempatan dari segi menyelenggarakan kawasan-kawasan bandar kecil dan besar di negara kita ini makin lama makin meningkat, sama ada dari segi mengindahkannya ataupun untuk membersihkannya, saya mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian memikirkan sejauh mana kita boleh mewujudkan sistem gotong-royong walaupun untuk Kerajaan Tempatan.

Saya memikirkan bahawa jika sekiranya ini menjadi satu cara walaupun bukan dalam bentuk amalan biasa untuk orang bandar ataupun orang pekan kecil, tetapi jika sekiranya dianjurkan dan digalakkan mungkin masalah peruntukan yang amat berkurangan untuk 1987 ini akan memberi jalan perintis supaya semangat gotong-royong ini dapat dilaksanakan di Majlis Tempatan di negara kita ini. Mungkin tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dalam sesuatu bandar kecil ataupun bandar besar, tetapi mungkin cara gotong-royong ini dapat dilaksanakan mengikut, misalnya, sesuatu kawasan perumahan ataupun mengikut sesuatu jalan ataupun sebahagian di dalam bandar-bandar tersebut. Jadi dengan cara begini maka usaha dan tumpuan pihak yang mentadbirkan Kerajaan Tempatan itu dapat ditumpukan kepada kerja-kerja gotong-royong pada satu ketika dan satu masa dan hasil yang akan didapati agak berkesan. Sambil itu pula semoga minat, kesanggupan dan juga melalui amalan gotong-royong ini akan mewujudkan suasana yang lebih meriah lagi ataupun suasana yang lebih sihat lagi dari segi kerjasama di antara mereka yang hidup dalam kawasan Kerajaan Tempatan ini untuk menjaga kawasan sekeliling mereka.

Saya maklum bahawa setiap daripada penduduk yang di bawah pentadbiran Kerajaan Tempatan ini

boleh mengatakan bahawa mereka mempunyai hak yang sewajarnya untuk mendapat layanan daripada Kerajaan Tempatan kerana mereka membayar cukai-cukai tertentu. Walaupun begitu, rasa saya kalau sekiranya kita membuat satu proses untuk pembelajaran ataupun dalam istilah, dengan izin, "educative process" kepada mereka yang tinggal dalam kawasan Kerajaan Tempatan ini semoga semangat untuk kerjasama itu dapat diwujudkan.

Tuan Pengerusi, itulah dua perkara yang hendak saya bincangkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.49ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian di dalam perbincangan ini berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seramai 9 Ahli-ahli Yang Berhormat telah sempat untuk membangkitkan beberapa perkara dan saya ucapkan terima kasih di atas teguran-teguran mereka itu dan juga cadangan-cadangan yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membawa perkara berkenaan dengan peruntukan wang yang begitu kecil, katanya, yang begitu besar perbezaannya di antara tahun 1986 dan 1987. Masalah ini sepertimana Ahli Yang Berhormat mengetahui, adalah kerana keadaan ekonomi di negara kita ini. Sungguhpun begitu, pembinaan rumah akan terus juga dijalankan dengan adanya rancangan program perumahan khas yang dijangka akan

dapat dibina sebanyak 240,000 unit dalam masa tiga tahun yang akan datang.

Berkenaan dengan meneruskan lagi usaha untuk membina rumah-rumah ini, pada pendapat saya Kerajaan memang tidak akan melalaikan tanggungjawabnya tetapi hari ini, konsep mempelawa pemaju-pemaju perumahan swasta pula untuk mengambil bahagian yang lebih aktif adalah selaras dengan Konsep Persyarikatan Malaysia.

Berkenaan dengan Perancang Bandar, iaitu apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ini bahawa Perancang Bandar hendaklah memberi keutamaan kepada pembinaan rumah yang lebih di kawasan-kawasan luar bandar dan bukan sahaja menumpukan usahanya di kawasan-kawasan bandar sahaja, inginlah saya menyatakan di sini kebanyakan rumah-rumah yang kita bina itu adalah cadangan-cadangan yang kita terima dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan saya pasti tentulah Kerajaan-kerajaan Negeri juga mengambil nasihat-nasihat dan pandangan-pandangan daripada Pegawai-pegawai Perancang Negeri yang ditempatkan di negeri masing-masing.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh berkenaan dengan perkara operasi melawan kebakaran dan sepertimana Ahli Yang Berhormat mengetahui, memanglah kita memberi keutamaan mengambil kira juga tempat-tempat itu dan juga bilangan penduduk dan jauh jaraknya daripada bandar yang besar kepada tempat-tempat yang kecil atau bandar-bandar yang kecil sebelum kita menyediakan balai-balai bomba. Sebenarnya kita telah pun membuat perancangan untuk mewujudkan lebih 100 Balai Bomba di seluruh negara sebagai tambahan, tetapi juga oleh kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan, maka rancangan ini

perlu ditangguhkan dahulu sehinggalah satu masa di mana kita boleh membina Balai-balai ini. Saya sedar yang perkara ini mungkin tidak memuaskan kepada beberapa penduduk di negara ini, tetapi sepertimaoa Ahli Yang Berhormat juga tahu, Kementerian memang menggalakkan supaya Pasukan-pasukan Bomba Sukarela ditubuhkan di tempat-tempat yang difikirkan perlu. Ahli-ahli Bomba atau pegawai-pegawai Bomba daripada Balai-balai yang berdekatan sentiasa bersedia untuk memberi khidmat dan juga latihan serta segala pertolongan kepada Pasukan-pasukan ini supaya dapat ia dijalankan dengan sempurna. Di sini perkhidmatan Ahli Yang Berhormat juga adalah diperlukan kerana Ahli Yang Berhormat juga, sebagai orang yang berpengaruh di kawasan itu, tentulah dapat menggunakan budibicara untuk menubuhkan Pasukan-pasukan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pendang pula telah membangkitkan beberapa perkara dan kita akan mengambil kira. Beliau juga menyatakan tentang kekhawatirannya iaitu rancangan program khas perumahan ini akan dapat dilaksanakan. Katanya tadi, jangantah disalahkan juga Kerajaan Negeri sahaja tetapi perlulah Kementerian mengambil berat tentang perkara ini kerana katanya, mengikut pengalamannya sebagai pegawai Kerajaan dalam Pejabat Tanah, perkara ini tidak dapat disediakan dalam tempoh tiga bulan. Inginlah saya menyatakan di sini iaitu saya agak kesal juga kerana saya ingin juga bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, semasa dia menjadi pegawai Kerajaan dahulu, kalau dia mengetahui keadaan begini, kenapakah tidak mengambil langkah-langkah supaya dapat dipercepatkan ataupun mengutarakan cara-cara bagaimana kita boleh mempercepatkan proses mengeluarkan semua Q.T. ini.

Mengikut pengalaman saya yang baru mengadakan beberapa mesyuarat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga PTG-PTG untuk menyelesaikan masalah ini, saya difahamkan, sekiranya borang-borang ini diisi dengan baik, saya rasa perkara ini dapat diselesaikan, ertinya kalau ada kerjasama daripada semua pihak.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya bentuk rumah diubah untuk menjadikan sesebuah rumah untuk rakyat ini adalah cadangan yang baik dan beberapa negeri telah pun mengamalkan ini seperti di Terengganu dan di Perak. Ini, mengikut Kerajaan Negeri itu, tertakluk kepada keluasan tanah yang ada dan tergantung juga kepada adanya tanah untuk dibuat rancangan seperti demikian kerana kita memerlukan tanah yang lebih sekiranya hendak membuat rumah-rumah yang sesebuah ini.

Cadangan Yang Berhormat tadi supaya rekabentuk dan juga keluasannya perlulah disesuaikan dengan keadaan keluarga, ini memanglah kita ambil kira kerana tahun-tahun yang akan datang ini, rumah-rumah yang akan dibina akan mempunyai tiga bilik. Sebenarnya, di sebelah Kedah, di Sik, saya rasa beberapa projek telah pun dijalankan di mana rumah-rumah kos rendah ini dalam tabun 1983 telah disediakan di mana rumah ini mempunyai tiga bilik.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan pula telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Majlis Tempatan. Sebenarnya, kita mendapati ahli-ahli Majlis Tempatan yang hah ini adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri, juga di atas cadangan-cadangan daripada community ataupun masyarakat setempat di mana Majlis itu akan diadakan. Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya di peringkat Majlis Daerah. Tetapi sekiranya sepertimana

Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan ada beberapa perkara rasuah yang berlaku, silalah kemukakan maklumat-maklumat ini supaya dapat kita mengambil tindakan ataupun saya akan menyiasatnya dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan peruntukan rumah kos rendah sepertimana saya sebutkan tadi, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, peruntukan ini memanglah nampaknya rendah tetapi ini akan ditampung ataupun akan ditambah rumah-rumah yang akan dibina yang sebanyak 240,000 unit yang saya sebutkan tadi di bawah Rancangan Perumahan Khas.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor pula telah membangkitkan berkenaan dengan perkara ini yang katanya sekiranya diperhatikan, hanya 4,000 unit rumah sahaja yang dapat dibina dalam tahun 1987. Sebenarnya wang yang diperuntukkan dalam tahun 1987 ini adalah juga wang yang akan menyelesaikan atau menyudahkan rumah-rumah sambungan yang dibuat dalam tahun 1986 dan 1985 dahulu. Kalau kita perhatikan betul, tidaklah hanya 4,000 unit rumah sahaja akan siap dibina pada tahun 1987.

Berkenaan dengan dua sektor yang dikatakannya tadi iaitu sektor ladang dan juga setingan-setingan yang memerlukan perumahan, rasa saya usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyediakan rumah-rumah ini terutama bagi penduduk-penduduk ladang di mana beberapa buah Kerajaan Negeri telah pun mengambil berat tentang perkara ini.

Misalnya negeri Selangor dan juga di Negeri Sembilan saya difahamkan satu kumpulan perladangan yang

besar seperti Guthrie akan menyediakan rumah-rumah bagi penduduk-penduduk di kawasan perladangannya iaitu di Sengkang kalau tidak silap saya di sebelah daerah Port Dickson. Jadi, usaha-usaha itu memanglah sentiasa dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah pun mencadangkan satu cadangan yang baik iaitu tabung khas untuk perumahan dan ini perlu kita kaji dengan baik supaya dapat kita memberi faedah bukan sahaja kepada pemaju tetapi juga kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah ini. Dan saya berharap Ahli Yang Berhormat itu akan mengutarakan lagi cadangan-cadangannya bagaimana hendak melaksanakan tabung khas ini.

Berkenaan dengan wang cagaran yang disebutkan tadi, sebenarnya ada dua tiga Ahli Yang Berhormat juga yang telah membangkitkan perkara ini. Sekiranya seseorang hendak menjadi pemaju ingin saya menyatakan di sini di bawah Akta Perumahan yang diadakan, sebenarnya wang cagaran ini mungkin disalah taksir atau disalah anggap oleh kebanyakan orang. Sebenarnya sekiranya seseorang itu ingin hendak membina rumah dan bila memohon untuk lesen sebagai seorang pemaju kalau dua tiga orang yang telah menubuhkan satu syarikat adalah menjadi satu syarat bagi Kementerian iaitu syarikat ini hendaklah mempunyai wang atau, dengan izin, paid-up capital in cash \$250,000 bukan maknanya dia mencagarkan wang sebanyak \$250,000 dengan Kementerian, tidak sekali-kali. Ini syarat kita.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Puan Napsiah binti Omar: Sila.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Tidakkah boleh Kementerian melonggarkan syarat ini di mana sepertimana yang baru disebutkan tadi syarat yang dikenakan oleh Kementerian ialah sekurang-kurangnya \$250,000 paid-up capital dengan izin. Ini menyulitkan tambah-tambah lagi memandangkan keadaan ekonomi yang agak tidak menyenangkan hari ini. Maka tidakkah boleh Kementerian melonggarkan syarat ini katakan kepada \$100,000. Ini lebih senang pihak-pihak yang ingin menjadi pemaju akan mendapat lesen-lesen yang berkenaan.

Puan Napsiah binti Omar: Kerajaan Barisan Nasional ini tidaklah kejam begitu Yang Berhonnat. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kita memang ada membuat kelonggaran menengokkan program yang hendak dibuatnya itu, dan hanya ini untuk kemampuan sahaja, menunjukkan dan membuktikan kepada kita yang mereka ini mempunyai kebolehan, kepercayaan dan juga supaya kedua-dua belah pihak pembeli dan juga pemaju tidak mengalami kerugian nanti.

Sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat ini mengetahui ada juga syarat di dalam Akta itu yang membolehkan seseorang itu ataupun syarikat itu merayu kepada Menteri untuk menurunkan dan telah pun kita jalankan di mana kadangkala hanya diturunkan kepada \$50,000 sahaja dalam bentuk bank guarantee; dan tidak juga kita masukkan ke dalam Treasury ataupun akaun kita sebabnya Kementerian tidak ada akaun, hanya untuk pegang itu memberi bukti kepada kita yang pemaju mempunyai kebolehan untuk menjalankan projeknya.

Begitu jugalah kepada mereka perseorangan yang tidak mempunyai

syarikat, sekiranya mereka hendak memajukan satu-satu kawasan, Kementerian juga memerlukan wang sebanyak \$100,000 iaitu bank guarantee sahaja sebagai satu bukti yang mereka itu mampu dan mereka bukanlah orang yang bankrupt dan sebagainya untuk menjalankan projek ini.

Jadi, sebenarnya wang cagaran yang akan diforfeit itu tidak sebenarnya berlaku. Dan Kementerian juga tidak pernah pula forfeit duit ini.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Puan Napsiah binti Omar: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, kalau begitu, bolehkah pihak Kementerian menukarkan syarat supaya bank guarantee itu kalau projek rumah itu tidak boleh disiapkan, bank yang memberi guarantee itu kena membayar jumlah ini kepada pembeli-pembeli rumah sebagai satu jenis pampasan, as a form of compensation, dengan izin.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, Akta Perumahan memang ada peruntukan-peruntukan sedemikian rupa tetapi proses ini mengambil masa yang amat panjang kerana hendaklah Kementerian Kewangan terlebih dahulu masuk campur dan juga di mana masalahnya mengambil masa yang panjang. Jadi begini, saya selalu berunding dengan pihak-pihak pembeli dan pihak pemaju dan juga institusi kewangan yang membiayai projek itu supaya kita dapat satu persetujuan di mana pemaju tidak rugi, pembeli pun tidak rugi. Sekiranya mereka bawa kes ini ke mahkamah, itu memanglah hak mereka. Tetapi selalunya saya menasihatkan kalau dibawa kes-kes ini ke mahkamah apa yang akan berlaku ini akan mengambil masa dan pembeli

akan dipaksa oleh bank untuk membayar balik pinjaman mereka itu di samping pula membayar sewa rumah untuk mereka duduk sementara menunggu rumah itu siap.

Dengan persetujuan dan perundingan dengan ketiga-tiga pihak ini selalunya kita dapat menyelesaikan projek-projek yang mana ada masalah begini hinggalah ke peringkat di mana pembeli dapat menduduki rumah-rumah itu. Jadi, ini lebih memudahkan kepada pembeli dan juga kepada pemaju dan institusi kewangan.

Berkenaan dengan proses pemilihan penghuni-penghuni rumah-rumah kos rendah ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Puan Napsiah binti Omar: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak mendapat penjelasan. Tadi ada saya sebut dua kes iaitu dua projek perumahan yang terbengkalai dan satu daripada projek itu terbengkalai selama 10 tahun. Saya ingat apa-apa proses pemulihan projek ini yang sedang dijalankan saya ingat susah hendak dipulihkan lagi. Tetapi untuk kes tersebut bolehkah Timbalan Menteri ataupun pihak Kementerian membuat satu peraturan bahawa untuk pembeli-pembeli rumah ini mendapat sedikit pampasan untuk projek yang tidak dapat dipulihkan kerana mereka bukan sahaja terpaksa membayar balik wang pinjaman dari bank tetapi rumah-rumah mereka yang diidam-idamkan itu pun tidak boleh siap. Terima kasih.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan dua kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi inginlah saya menyatakan di sini memang ada peruntukan juga di dalam Akta Perumahan di mana kalau

5 atau lebih orang pembeli ini membuat pengaduan kepada Kementerian kita akan mengambil kes itu. Setahu saya kalau kedua-dua projek ini penghuni-penghuninya telah pun membuat pengaduan memang kita akan mengambil berat tentang perkara ini dan akan menyiasatnya dengan lebih teliti. Sekiranya hanya 70% sudah dibayar tetapi rumah tidak akan dapat balik, rasa saya menunjukkan satu pembaziran wang dan perlu kita mencari penyelesaian tentang perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah bank guarantee atau yang dikatakan "wang cagaran" dibuat supaya dapat memberi balik sedikit kepada pembeli, as a form of compensation.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak bolehlah buat satu ruling tetapi kerana kita memang ada undang-undang kita. Jadi.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh dipinda!

Tuan Pengerusi: Yang Berhonnat, Yang Berhormat tidak boleh bercakap macam itu.

Puan Napsiah binti Omar: Undang-undang memang boleh dipinda, sekiranya kita bawa ke dalam Dewan yang mulia ini dan kalau disokong oleh DAP boleh kita ubah undang-undang. Tetapi begini Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada perkara yang tidak boleh kita selesaikan tetapi ini memang mengambil masa kenalah bersabar dulu. Dan saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang ini adalah satu perkara yang tidak adil. Dan saya juga memang mengambil berat tentang perkara-perkara begini dan bukan oleh kerana Ahli DAP yang membawa perkara ini, sebelum ini juga memanglah kita mengambil berat tentang perkara-perkara di mana berlakunya projek-projek yang tidak

siap atau terbengkalai di mana kita ambil tindakan. Tetapi wang yang ditanya tadi berkenaan \$250,000 itu bolehkah kita gunakan untuk dibayar sebagai pampasan, pada pendapat saya tidak boleh kita menggunakan wang itu untuk pampasan, kerana itu hanyalah paid-up capital in cash bagi kompanyi itu atau syarikat itu dan syarikat itu mungkin telah menggunakan segala kapitalnya atau modalnya untuk membina rumah tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Batu Berendam tadi ada menyentuh berkenaan dengan proses pemilihan penghuni-penghuni yang katanya tidak adil dan di mana juga ada terdapat football money, dengan izin, dan lain-lain lagi dan telah pun menyarankan supaya mencadangkan supaya kita menggunakan sistem mendaftar yang lebih lengkap lagi atau lebih cekap lagi. Saya ucapkan terima kasih atas cadangan ini. Tetapi sebenarnya penghuni-penghuni ataupun bakal-bakal pembeli ini sebenarnya mendaftarkan diri lebih awal lagi dengan Pejabat-pejabat Daerah dan selepas itu ditapis dan ditemuramah dan diinterview dan sebagainya hinggalah kita mendapat satu senarai dengan nama-nama pembeli ini. Lepas itu pula nama ini akan dibawa kepada EXCO Kerajaan Negeri untuk mendapat kelulusan. Setelah mendapat kelulusan ini, nama-nama penghuni yang berjaya itu juga dipamerkan di beberapa tempat supaya mereka yang tidak puas bati itu boleh membuat bantahan dan ini adalah satu amalan yang telah pun dilakukan. Sekiranya ada yang tidak puas hati dan ingin membantah, memang ada masanya untuk mereka membantah. Jadi, rasa saya kalaulah dikatakan orang yang mendapat dua, tiga rumah, sistem yang kita adakan ini telah pun kita jalankan, tetapi kalau ada dua, tiga yang terlepas itu

rasa saya perlulah Ahli Yang Berhormat sendiri membawa kepada pengetahuan Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah membawa tadi satu perkara iaitu berkenaan dengan di Jasin dia kata di mana seorang pendatang haram daripada Indonesia telah mendapat rumah. Saya juga telah meneliti kes ini dan kebelakangan ini saya dapati ini adalah satu kesilapan yang Pejabat Daerah pun telah mengakui dan tindakan akan diambil untuk mengambil balik rumah ini daripada pembeli itu kerana dia ini terkeluar daripada kumpulan yang dikhaskan rumah kos rendah ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi alasan, mengapa kesilapan yang sebegini boleh berlaku?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, mungkin kesilapan begini berlaku oleh kerana kita ini semua manusia biasa (*Tepuk*). Kemungkinan juga pendatang haram menunjukkan satu kad biru.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, minta penjelasan dah.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Yang Berhormat Timbalan Menteri belum habis jawab lagi yang tadi. Sudah habis?

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan atas perkara-perkara yang disebut. Adakah apa-apa tindakan disiplin atau

tindakan kehakiman yang akan diadapkan kepada mereka yang terlibat dalam penyelewengan ini? Ini perkara yang beri peruntukan rumah kepada seorang pendatang haram. Apakah tindakan yang akan diambil atas mereka yang terlibat dalam kes ini?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, tindakan disiplin ini adalah tanggungjawab majikan mereka dan ini terpulanglah kepada Pegawai Daerah dan juga Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan yang difikirkan sewajarnya kepada pekerja itu. Bukannya tanggungjawab saya, Tuan Pengerusi.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, minta lagi penjelasan. Tetapi memang Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hak cadang, rekomen kepada Pegawai Daerah dan mereka yang bertanggungjawab memulakan tindakan. Memang Timbalan Menteri ada kuasa, bukan? Adakah Timbalan Menteri ingin berbuat begitu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, kalau saya ingin juga hendak berbuat begitu, saya juga akan memikirkan sepertimana yang saya katakan tadi. Kita ini semua manusia biasa dan mungkin membuat kesilapan dari semasa ke semasa. Dan juga rasa saya kita kena mengambil kira juga, mesin juga kadang-kadang ada membuat kesilapan, inikan pula biological system macam kita ini, dengan izin.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, saya tidak puas hati dengan jawapan begitu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh berkata begitu. Di sini Yang Berhormat minta penjelasan, sudah diberi penjelasan. Sama ada Yang Berhormat puas hati atau tidak, itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Bolehkah saya minta penjelasan lagi?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Sila teruskan Yang Berhormat (*Tepuk*).

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah pun mengemukakan beberapa perkara berkenaan dengan katanya rumah yang cepat retak dan pembeli-pembeli rumah murah ini selalu kecewa, saya sedar perkara ini berlaku. Tetapi peraturan yang sedia ada hari ini sekiranya penghuni itu masuk ke rumah dan didapati beberapa kerosakan, penghuni itu boleh membuat aduan kepada Kerajaan Negeri Bahagian Perumahan di Setiausaha Kerajaan Negeri dan di dalam masa 6 bulan, masa dia duduk di dalam rumah itu dan di mana Kerajaan Negeri melalui kontraktor-kontraktor yang membuat rumah itu akan membaiki keadaan-keadaan di mana tidak memuaskan kepada penghuni-penghuni.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan itu?

Puan Napsiah binti Omar: Sedikit lagi. Berkenaan dengan banjir di dalam kawasan Kuata Lumpur, ingin saya menyatakan di sini memang dalam tahun 1987 ini sebanyak \$9 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja banjir di kawasan Kuala Lumpur ini. Dan memang ada peruntukan bagi Dewan Bandaraya untuk mendakwa membawa pemaju-pemaju perumahan yang difikirkan merosakkan alam sekitar itu, memanglah boleh penghuni membuat aduan kepada Dewan Bandaraya dan boleh juga Dewan Bandaraya untuk mengambil tindakan seperti di Majlis-majlis Tempatan yang lain juga.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan kedudukan Ahli Majlis sekarang ini, pada pendapat saya, saya membuat cadangan itu bukan luar daripada Akta yang sedia ada. Memang Akta Kerajaan Tempatan pun menghadkan bilangan Ahli Majlis itu sekurang-kurangnya 8 atau maksimumnya 24 orang. Tidak ada apa-apa tindakan sekarang ini diperhatikan kerana Ahli-ahli Majlis itu setalunya dilantik untuk masa dua tahun. Dan rasa saya tidaklah patut bagi Kerajaan Negeri untuk memberhentikan mereka midstream, dengan izin, atau mengecilkan saiz Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Saya berharap mungkin di masa akan datang mereka akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah juga minta penjelasan berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 2%. Sebenarnya apa yang kita telah dapat saya juga mendapat nasihat daripada Bank Negara dan mereka mengatakan sekiranya kita membelanjakan sebanyak \$2 billion atau \$2 ribu juta dalam satu tahun ini akan meningkatkan kadar pertambahan sebanyak 2%. Dan rasa saya bila dibuat perkiraan rumah sebanyak 80,000 unit adalah perlu dibina untuk kita membelanjakan sebanyak \$2 billion atau \$2 ribu juta.

Berkenaan dengan perkara yang penghabisan ini ialah mengenai dengan kerja-kerja di Majlis Tempatan, di mana Ahli Yang Berhormat membuat cadangan yang baik, iaitu meminta penduduk-penduduk di kawasan itu membuat aktiviti bergotong-royong supaya dapat membersihkan kawasan atau mengindahkan kawasan. Ini adalah satu cadangan yang baik dan saya berharap bukan sahaja Ahli Yang Berhormat dari Ledang tetapi semua Ahli Yang Berhormat di dalam Malaysia ini akan mengambil inisiatif

untuk menjalankan projek-projek gotong-royong ini di kawasan-kawasan mereka. Sebagaimana yang saya katakan tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah orang yang mempunyai pengaruh di dalam kawasan itu dan mungkin dengan inisiatif dan galakan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara seperti ini dapat kita atasi.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun dan mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya berharaplah memang peruntukan itu nampaknya agak kecil dan mungkin kurang memuaskan. Jadi saya harap semua Ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan supaya ini dapat diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$36,651,300 untuk Maksud B.14; \$7,783,300 untuk Maksud B.15 dan \$59,352,000 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$36,651,300 untuk Maksud B.14; \$7,783,300 untuk Maksud B.15 dan \$59,352,000 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$132,980,230 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dan \$7,450,000 untuk Maksud P.16 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$132,980,230 untuk Maksud P.14 dan \$7,450,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987.

Maksud B.17 (Jadual)—

Maksud P.17 (Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.17 dan P.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Besi.

6.24ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 68, Butiran 00100—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan.

Dalam membahaskan peruntukan mengenai perumahan, saya ingin membangkitkan masalah kekurangan rumah kos rendah yang begitu teruk dalam Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan tidak boleh berbuat apa-apa, tetapi terpaksa mengakui kekurangan rumah kos rendah untuk menampung keperluan yang begitu besar sekarang sudah menjadi satu masalah yang sangat serius yang dihadapi oleh ribuan keluarga miskin dalam Bandaraya.

Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya kepada soalan saya pada bulan lalu memberitahu bahawa terdapat lebih daripada 45,000 keluarga dalam Kuala Lumpur yang memohon rumah kos rendah sejak beberapa tahun lalu, tetapi malangnya sehingga ke hari ini mereka masih menunggu kerana ketiadaan rumah-rumah yang boleh menampung permintaan mereka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Butiran apa itu?

Tuan Tan Kok Wai: Butiran 00100, P.17

Tuan Pengerusi: Di bawah?

Tuan Tan Kok Wai: Di bawah Perumahan Awam.

Yang Berhormat Menteri juga telah menjelaskan kepada Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap! Di bawah Perumahan Awam Wilayah Persekutuan?

Tuan Tan Kok Wai: Ya.

Tuan Pengerusi: Mana ada peruntukan? Tidak ada peruntukan di bawah ini.

Tuan Tan Kok Wai: Minta maaf, muka surat 55, Butiran 010100—Pentadbiran dan Kewangan.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, itu perkara lain. (*Disampuk*) Yang Berhormat dari Kepong buat apa di situ? (*Ketawa*).

Tuan Tan Kok Wai: Sebab Yang Berhormat dari Kepong adalah lebih berpengalaman.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. perkara itu

Tuan Tan Kok Wai: Saya beralih ke topik yang lain. Saya merujuk kepada muka surat 67, Butiran 010000, Pentadbiran dan Kewangan dan kepada buku Prestasi, muka surat 337. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Industri Kecil. Berhubung dengan Industri Kecil, saya ingin membangkitkan di sini dari beberapa hasil pemerhatian saya. Sekarang terdapat lebih 4,400 buah perusahaan kecil yang tidak mempunyai lesen dalam Kuala Lumpur dan kebanyakan mereka telah beroperasi selama bertahun-tahun.

Saya ingin menyatakan rasa dukacita saya di sini, kerana tidak terdapat apa-apa program yang baik untuk industri-industri kecil yang tidak mempunyai lesen ini, baik pada masa dahulu dan masa sekarang. Nampaknya Kerajaan tidak mengambil indah tentang peranan penting dan tugas yang dimainkan oleh industri-industri kecil dalam ekonomi negara. Industri kecil telah memberi banyak sumbangan kepada ekonomi negara dengan membantu industri berat dan membantu mengeratkan ekonomi dengan menyediakan peluang pekerjaan. Malah di negara industri yang maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, industri kecil memainkan peranan yang utama dalam ekonomi negara dan mereka diberikan banyak bantuan dan insentif oleh Kerajaan masing-masing, akan tetapi di Malaysia kes ini sebaliknya berlaku terutama di Kuala Lumpur yang mana terdapat banyak industri kecil di sini.

Industri kecil dalam Kuala Lumpur sedang menghadapi masa yang sukar. Mereka telah memohon supaya mereka dilesenkan, tetapi telah ditolak atas pelbagai sebab. Kerajaan hendaklah memperkenalkan satu Pelan Induk bagi membantu industri kecil ini supaya dilesenkan dan industri yang diusir oleh projek-projek pembangunan hendaklah ditempatkan semula secara sempurna.

Kami sering mendengar bahawa Kerajaan telah merancang untuk menempatkan semula industri-industri kecil yang diusir akibat prajek pembangunan. Tetapi sehingga ke hari ini pelan tersebut hanya tinggal di atas kertas sahaja. Industri-industri yang telah diusir telah tidak diberi

penempatan semula dan sering mengakibatkan ramai pekerja kehilangan pekerjaan mereka, menambahkan beban kepada masalah pengangguran. Adalah tidak praktik bagi industri-industri kecil yang diusir seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bahawa mereka hendaklah mencari tempat-tempat baru di negeri-negeri lain bagi membina semula kilang-kilang mereka kerana kos yang tinggi dan modal yang terlibat yang tidak mampu dibiayai oleh mereka. Satu Pelan Induk untuk menempatkan semula industri-industri kecil yang tidak mempunyai lesen ini amat diperlukan.

Di bawah Pelan ini jika Kerajaan tidak berupaya menyediakan kemudahan kilang yang baru untuk mereka, maka mereka hendaklah ditempatkan di skim Site and Services dalam tanah yang sesuai dalam Bandaraya yang mana pengusaha-pengusaha kecil boleh membina sendiri kilang mereka dan Kerajaan hanya membekalkan kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin, kerana masa sudah cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, esok hari cuti. Oleh itu saya tangguhkan mesyuarat sehingga 2.30 petang pada hari Isnin, 17hb November, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.